# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN janganlah engkau memalingkan mukamu daripada manusia (kerana memandang rendah terhadap mereka) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka tiap-tiap orang yang sombong lagi membangga-banggakan diri".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Luqman, ayat 18.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 70 BILANGAN 127 | 22 OKTOBER 2025 / 1447 ربيع الأخير 30 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# NBD, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO TEROKA PELUANG KERJASAMA BAHARU



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongsavan Phomvihane yang mengadakan Lawatan Rasmi ke negara ini selama tiga hari. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.**

**Oleh : Aimi Sani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongsavan Phomvihane yang mengadakan Lawatan Rasmi ke negara ini selama tiga hari.

**>> Muka 3**

# Kebawah DYMM akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 26 hingga 28 Oktober 2025.

Malaysia, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini, akan mempengerusikan Sidang-sidang Kemuncak tersebut yang akan menghimpunkan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste serta Rakan-rakan Dialog, bagi memperkembangkan perbincangan dalam mengukuhkan Perpaduan ASEAN dengan meningkatkan kepercayaan strategik dalam kalangan negara-negara, mendorong komitmen yang lebih tinggi ke arah meningkatkan perdagangan dan pelaburan dalam ASEAN, dan memastikan penekanan elemen inklusiviti dan kemampanan dalam usaha-usaha pembangunan komuniti.

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada awal tahun ini, para pemimpin telah meluluskan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ASEAN 2045 : Our Shared Future, yang membentuk hala tuju dan masa depan ASEAN untuk dua dekad yang akan datang dalam menjadi Komuniti ASEAN yang berdaya tahan, inovatif, dinamik dan berpaksikan rakyat pada 2045, dengan ASEAN akan menjadi pusat pertumbuhan di rantau Indo-Pasifik.

Salah satu lagi hasil utama ialah persetujuan para pemimpin untuk menjadikan Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Negara Ahli ASEAN Ke-11 semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47.

**>> Muka 3**

# MMN diterima sebagai ahli rasmi ke-183 IPU

**Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**GENEVA, SWITZERLAND**, Isnin, 20 Oktober. - Mesyuarat Governing Council bagi Inter-Parliamentary Union (IPU) bersidang hari ini dan meluluskan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diterima sebagai ahli rasmi ke-183 IPU.

Hari ini mencatatkan detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan keputusan tersebut yang dicapai melalui resolusi yang diluluskan, sebagai tanda keahlian rasmi MMN dalam organisasi antara-parlimen tertua dan terbesar di dunia.

Perasmian keahlian tersebut diadakan di Mesyuarat Perhimpunan 151st Assembly of the Inter-Parliamentary Union (IPU).

Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, dalam ucapan penerimaan menegaskan penyertaan MMN sebagai detik bersejarah dalam merealisasikan aspirasi jangka panjang untuk menjadi sebahagian daripada komuniti antara-parlimen global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut menekankan kepentingan diplomasi dan kerjasama antara-parlimen dalam menangani cabaran sejagat yang semakin kompleks, serta menegaskan komitmen MMN untuk menyumbang secara konstruktif kepada objektif IPU dalam memupuk keamanan, tadbir urus yang baik dan pembangunan mampan di peringkat antarabangsa.

Delegasi MMN diketuai oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

**>> Muka 5**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



PERBADANAN TAIB raikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-34

Muka 6



MENINGKATKAN amalan terbaik dasar PMKS

Muka 11




MENONJOLKAN kreativiti pelajar dalam mengubah bahan buangan elektronik

Muka 19




RENCANA

PPBH2025 : Tingkatkan kesedaran pemeliharaan alam sekitar

Muka 21

# Kita perlu mendepani, menghadapi, menghalangi golongan menyimpang dari merosakkan umat

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ القائل: قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُوْلُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ (الزمر : ٩). وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْقَائِلِ : مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَالَاه. أَمَّا بَعْدُ.

**SAYA** ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas atas penganjuran persidangan ini, khusus kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) selaku tuan rumah dan tiga rakan serantau iaitu Universiti Malaya (Malaysia), Universiti Islam Sunan Gunung Jati, Bandung (Indonesia) dan Prince of Songkla University (Thailand) sebagai penganjur bersama.

Saya difahamkan, tema persidangan berbunyi : 'Islam di Alam Melayu : Keilmuan Islam Dalam Mendepani Cabaran Kecerdasan Buatan (AI)'. Saya melihat tema ini adalah bagus dan malah penting untuk dihubungkan dengan usaha mendepani cabaran-cabaran perubahan zaman.

Kita dan Islam sebenarnya sudah dan sedang dilanda oleh satu jenis perubahan berbahaya di bawah pengaruh falsafah liberalisme. Liberalisme ini sedang berkembang pesat dan telah pun memasuki seluruh bidang kehidupan, seperti liberalisme ekonomi, liberalisme politik, liberalisme budaya dan liberalisme agama.

Ini sudah pun berlaku di alam Melayu, bahkan di alam Nusantara seluruhnya. Liberalisme sudah menjadi satu gerakkan modenisme Islam yang muncul di awal abad ke-19. Sekarang golongan Islam liberal sudah benar-benar hadir dan bertapak dalam masyarakat. Tetapi mereka tidak menzahirkan diri sebagai menolak agama, tetapi berselindung di sebalik pelbagai alasan untuk mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Qur'an dan al-Hadits dan menilai semula hukum hakam fiqah. Dan dari gagasan inilah, mereka telah dilihat sudah berani menolak segala tafsiran yang dianggap oleh mereka sebagai lapuk dan kolot.

Bagi mereka, agama mesti disesuaikan dengan kehendak masa, sekalipun terpaksa untuk mengubah hukum hakam yang telah thabit dengan nas Syarak secara putus (*qath'ie*). Jika terdapat hukum yang tidak menepati kehendak zaman atau berlawanan dengan kemodenan dan tamadun global, maka hukum itu menurut golongan ini boleh sahaja diketepikan.

Tidakkah perkara ini sangat merisaukan? Pada saya, semua kita yang sayangkan Islam yang takut akidah dicemari oleh pemikiran-pemikiran atau ideologi-ideologi baharu yang menyimpang, maka kita semua mesti mendepani cabaran ini, terutama oleh para cendekiawan kita, para ahli akademik, pendakwah, guru dan malah ibu bapa mesti sama-sama menghadapi dan menghalangi golongan yang menyimpang itu dari berjaya merosakkan umat.

Kita jangan fikir, golongan ini hanya ada jauh di luar sana. Tetapi kita ibu bapa perlu waspada bahawa mungkin saja kita kurang menyedari bahawa di dalam rumah kita sendiri sudah sedia ada penganut liberalisme agama. Mereka ini mungkin saja lepasan dari pusat pengajian di luar negara atau pusat pengajian dalam negara sendiri.

Kita perlu tahu, bahawa mereka itu bergaul dan pergaulan mereka luas, mereka itu membaca dan pembacaan mereka luas, dan mereka itu melayari internet dan pelayaran mereka tiada batasnya. Maka dari sinilah, tidak pelik kalau anak-anak atau pelajar-pelajar atau lepasan-lepasan daripada pusat-pusat pengajian, ada yang sudah terpaut menjadi penganut aliran-aliran baharu seperti Islam liberal yang didapat dari pergaulan atau pembacaan atau Internet. Aliran ini mengutamakan kebebasan berfikir dan beragama yang sudah sedia dengan agenda-agendanya yang tersembunyi, seperti diungkap oleh Sheikh Abdullah al-Khatib dalam kitab beliau : *"Al-Islam waraddu 'ala Hurriyyah al-Fikr"*. Beliau antara lain menyebut agenda tersembunyi itu sebagai :

1. Untuk memadam agama sepenuhnya daripada masyarakat.
2. Untuk menjauhkan ingatan dan pemikiran dari setiap yang berkaitan dengan wahyu dan alam ghaib, akidah dan keimanan kepada Allah, dan
3. Untuk merumus tentang keutamaan akal, kebendaan dan ketidak pemanfaatan agama dan wahyu dalam semua urusan kehidupan.

Dari yang disebutkan ini, nyatalah bahaya Islam Liberal itu tidak dapat dipandang ringan. Ia mengancam akidah dan boleh membawa sesat. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan semua untuk berhati-hati dan mengambil langkah tegas membendungnya dari terus merebak meracuni masyarakat. Persidangan hari ini dapat diharapkan untuk melihat semua aliran menyimpang antaranya Islam Liberal sebagai ancaman.

Sekian sahaja sebagai pembuka kalam. Bertabarruk dengan lafaz :

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Saya rasmikan Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-14 2025 dengan Tema : 'Islam di Alam Melayu: Keilmuan Islam Dalam Mendepani Cabaran Kecerdasan Buatan'.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa berucap pada Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-14, 2025 pada Selasa, 7 Oktober 2025.

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22 | RABU | 30 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 23 | KHAMIS | 1 JAMADILAWAL | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 24 | JUMAAT | 2 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 25 | SABTU | 3 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.24 | 6.04 | 7.14 |
| 26 | AHAD | 4 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03 | 7.14 |
| 27 | ISNIN | 5 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03 | 7.14 |
| 28 | SELASA | 6 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 33 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 33 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 33 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 22 OKTOBER 2025

# Perkukuh komitmen kerjasama tadbir urus keselamatan makanan

**NEGARA** Brunei Darussalam (NBD) mengulangi komitmen kukuh terhadap kerangka The Belt and Road Initiative (BRI), dengan menekankan bahawa keselamatan makanan bukan sahaja tanggungjawab negara, malah merupakan komitmen global yang dikongsi bersama.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin baru-baru ini semasa The Conference on Import and Export Food Safety Cooperation of the Belt and Road 2025 di Shanghai, Republik Rakyat China anjuran Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China (GACC).

BRI merupakan salah satu usaha pembangunan global yang paling penting pada abad ke-21, yang dilancarkan oleh Republik Rakyat China, bagi meningkatkan keterhubungan infrastruktur, memudahkan perdagangan dan menggalakkan integrasi kewangan merentasi Asia, Afrika dan Eropah.

Berteraskan visi ini, persidangan yang diadakan di bawah kerangka BRI bertujuan untuk memperkukuh kerjasama dalam memajukan pemudahan perdagangan timbal balik berkaitan komoditi pertanian dan agromakanan, termasuk langkah-langkah keselamatan makanan.

Persidangan tersebut juga berfungsi sebagai platform untuk bertukar pandangan dan amalan terbaik dalam pengurusan dasar dan pembangunan sektoral dalam kalangan negara-negara peserta BRI.

Semasa berucap pada persidangan itu, Yang Berhormat turut menekankan kepentingan memperdalam kerjasama antarabangsa bagi memastikan perdagangan agromakanan yang selamat, lancar dan diyakini.

Yang Berhormat juga menekankan usaha-usaha NBD dalam memperkukuh keselamatan makanan dan perdagangan melalui penubuhan The Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) serta penerapan Amalan Pertanian, Akuakultur dan Penternakan Haiwan yang Baik.

Di samping itu, peranan aktif NBD dalam inisiatif ASEAN dan BRI, yang secara kolektif mengukuhkan matlamat bersama untuk memastikan makanan yang selamat, boleh dijejaki dan diyakini merentas sempadan, turut ditekankan.

Penyertaan NBD dalam persidangan ini membolehkan negara mengukuhkan kerjasama antarabangsa, melaksanakan program pembangunan kapasiti serta meneroka peluang akses pasaran baharu bagi produk pertanian dan agromakanan tempatan, sambil mematuhi piawaian dan garis panduan sanitasi dan fitosanitasi (SPS) antarabangsa.

Selain itu, ia juga akan meningkatkan kualiti dan piawaian hasil serta produk tempatan, sekali gus menyokong pembangunan sektor pertanian dan agromakanan serta agenda pemelbagaian ekonomi negara.

Akhirnya, selaras dengan tema persidangan iaitu 'Deepen International Cooperation for Shared Trade Safety and Facilitation', NBD menegaskan komitmennya dalam memperkukuh dan memupuk kepercayaan serta kerjasama antarabangsa dalam tadbir urus keselamatan makanan bersama Republik Rakyat China dan semua negara peserta BRI, bagi memastikan makanan yang diperdagangkan merentas sempadan adalah selamat, mampan dan diyakini, seterusnya menyumbang ke arah sistem makanan global yang berdaya tahan dan inklusif. – **Ketua Penyuntingan (Rd)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# NBD, Republik Demokratik Rakyat Lao teroka peluang kerjasama baharu





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongsavan Phomvihane di Istana Nurul Iman (atas dan kiri).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohamd Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**>> Muka 1**

Lawatan Tuan Yang Terutama berkenaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama serta meneroka peluang-peluang baharu dalam bidang-bidang yang berkepentingan bersama di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao telah mempertingkatkan hubungan kerjasama di peringkat Perkongsian Strategik semasa Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao pada 2023.

Kedua-dua buah negara telah mencapai perkembangan yang baik melalui kerjasama di bidang pendidikan dan pertukaran antara rakyat, serta terus memperkukuh kerjasama di bidang perdagangan khususnya di sektor pertanian.

Menyertai TYT ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD, Tuan Yang Terutama Heuankeo Sangsomsak.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-47



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**>> Muka 1**

Di bawah tema Pengerusi pada tahun ini, iaitu 'Inclusivity and Sustainability', kemajuan bersama untuk ASEAN diberikan penekanan bagi memastikan tiada sesiapa tertinggal, sekali gus menggariskan komitmen ASEAN ke arah memperkukuh keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau dalam kerangka yang inklusif, mampan dan berorientasikan masa hadapan.

**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Kuala Lumpur bagi menghadiri Sesi Plenari dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 dijunjung oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 yang berlangsung pada 26 Mei 2025.**

# DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik.**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama U Sein Oo.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan Ketua - ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu, berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Jepun, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Kapten (B) Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matseruddin; Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Kanada, Puan Yang Terutama Ang Lay Ling; dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik India, Puan Yang Terutama Siti Arnyfariza binti Haji Mohd. Jaini.

Manakala Ketua - ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama U Sein Oo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD, Tuan Yang Terutama Heuankeo Sangsomsak; Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani; Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Tamer Mansy dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Tuan Yang Terutama Weert Börner.

Pada 18 Oktober 2025 di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat - surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baharu dan juga menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke NBD.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan bergambar bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD, Tuan Yang Terutama Heuankeo Sangsomsak dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Tamer Mansy (atas dan bawah kiri).**



**DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani.**







**DYTM berkenan berbual mesra bersama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Tamer Mansy (kiri).**

**DYTM berkenan bergambar bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Tuan Yang Terutama Weert Börner (kiri sekali).**

# MMN DITERIMA SEBAGAI AHLI RASMI KE-183 IPU

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengetuai delegasi MMN pada Mesyuarat Perhimpunan 151st Assembly of the Inter-Parliamentary Union (IPU).**

**>> Muka 1**

Hadir sama ialah Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed bersama dengan Wakil Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu di Geneva, Switzerland, Puan Yang Terutama Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee.

Mesyuarat Perhimpunan 151st Assembly of IPU dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan termasuk Perhimpunan Agung (Assembly), Sesi Perbahasan Umum (General Debate) serta Mesyuarat - mesyuarat Jawatankuasa Tetap diadakan pada 20 hingga 23 Oktober 2025 bertempat di Geneva, Switzerland.




# Tiada peningkatan kes influenza dilaporkan di NBD

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status jangkitan penyakit influenza di Negara Brunei Darussalam (NBD) berikutan peningkatan kes jangkitan influenza di negara jiran.

Untuk makluman orang ramai, jangkitan influenza ialah jangkitan pernafasan akut yang disebabkan oleh virus influenza seperti Influenza A atau B. Ia boleh merebak melalui titisan respiratori seperti kahak (*phlegm*), air liur atau *nasal discharge* yang dikeluarkan apabila orang yang dijangkiti bersin, batuk, bercakap atau bernafas. Ia juga boleh merebak melalui sentuhan langsung dengan permukaan yang tercemar.

Virus influenza biasanya menyebabkan simptom ringan seperti demam, selesema, sakit tekak atau batuk. Walau bagaimanapun, ia juga boleh menyebabkan jangkitan teruk bagi individu yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak damit, warga emas, dan mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah.

Jangkitan influenza lazimnya hanya memerlukan rawatan sokongan. Walau bagaimanapun, ubat antiviral boleh diberikan sekiranya diperlukan.

Di peringkat global, pemantauan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan jangkitan virus influenza yang masih rendah dan trend jangkitan virus adalah seperti yang dijangka mengikut musim (*seasonal pattern*).

Di NBD, tiada peningkatan dalam kes influenza dilaporkan pada tahun ini. Sebanyak 207 kes influenza yang disahkan telah dikesan dari Januari hingga 15 Oktober 2025, berbanding 259 kes bagi tempoh yang sama pada 2024.

Daripada jumlah kes pada tahun ini, sebanyak 19 peratus daripada jangkitan adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun. Setakat ini, tiada kluster kes atau kematian berkaitan influenza telah dilaporkan.

Berdasarkan pemantauan oleh Kementerian Kesihatan, jenis virus influenza yang utama dikenal pasti pada tahun ini ialah Influenza A (H1N1) sebanyak 61 peratus, diikuti oleh Influenza A (H3) sebanyak 20 peratus dan Influenza B sebanyak 11 peratus.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk mengamalkan langkah-langkah pengawalan dan pencegahan jangkitan seperti sentiasa mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau sanitasi tangan (*hand sanitizer*) terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, dan selepas batuk atau bersin; amalkan etika batuk dan bersin yang betul serta memakai sungkup muka (*face mask*) jika awda mempunyai simptom jangkitan pernafasan terutamanya ketika berada di tempat tertutup atau sesak.

Selain itu, menutup mulut awda dengan tisu apabila batuk atau bersin, dan segera buang tisu tersebut ke dalam tong sampah, elakkan dari mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau yang menunjukkan tanda - tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas; mendapatkan rawatan perubatan segera sekiranya gejala berterusan atau bertambah teruk, dan sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk mendapatkan vaksinasi influenza yang terkini, terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi untuk mengalami jangkitan influenza yang teruk.

Kementerian Kesihatan sentiasa memantau keadaan di NBD dan pada masa yang sama, bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan di peringkat serantau dan global bagi perkembangan terkini serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan kesiapsiagaan yang berterusan.

Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai dari semasa ke semasa mengenai sebarang perkembangan terkini mengenai jangkitan berkenaan.

Untuk maklumat terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di *www.moh.gov.bn*, ikuti sosial rasmi Instagram di *@mohbrunei* atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 pada bila-bila masa.







# Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi Ogos 2025, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit, sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharui oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Permohonan Baharu Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah seperti berikut, iaitu Sijil Halal sebanyak enam permohonan, manakala Permohonan Permit sebanyak satu permohonan.

Sementara Permohonan Membaharui Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah seperti berikut, iaitu Sijil Halal sebanyak tujuh permohonan, manakala Permohonan Permit sebanyak satu permohonan.

Berikut adalah senarai premis makanan yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit, sama ada bagi bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharui oleh MUIB.

Senarai premis bagi Permohonan Baharu Sijil Halalialah Jes Sdn. Bhd., MPFC Sdn. Bhd. (Dairy Queen, Cawangan Tutong), Otcinc Sdn. Bhd. (Pizza Hut Cawangan Kiulap), Sixty Eight Co. (The Thirsty Habit), The Eateries (101 Café Cawangan Madang) dan Amali's Cafeteria.

Manakala premis bagi Permohonan Baharu Permit ialah Salika Bakery Shop (produk baru).

Sementara, premis bagi Permohonan Membaharui Sijil Halal ialah Otcinc Sdn. Bhd. (Pizza Hut Cawangan Tutong), Kaiz Cuisine (Sushi Tei Cawangan Aman Hills), Kaiz Cuisine (Sushi Tei Cawangan Plaza Abdul Razak), Simpur Mekar Restaurant and Catering, MPFC Sdn. Bhd. (Dairy Queen Cawangan One City), Otcinc Sdn. Bhd. (Pizza Hut Cawangan Ban 5) dan Sulbingsoo Sdn. Bhd.

Manakala premis bagi Permohonan Membaharui Permit ialah Salika Bakery Shop.

Orang ramai yang ingin mendapatkan senarai lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit MUIB, bolehlah melayari laman sesawang rasmi KHEU *www.mora.gov.bn* atau merujuk Instagram Bahagian Kawalan Makanan Halal *@halal.bn* dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi talian melalui WhatsApp +673 7103111 atau e-mel kepada *Bkmh@mora.gov.bn*.

PELITA BRUNEI

# Perbadanan TAIB raikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-34




**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut.**

**JERUDONG**, Isnin, 20 Oktober. - Bersempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-34, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) mengadakan Majlis Makan Malam Tahunan bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB; Penolong Mufti ('Ifta), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah; Ahli-Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah; pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB serta Anak-anak Syarikat, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan TAIB Filling Station Sdn. Bhd.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim.

Dalam ucapannya, Datin Hajah Hasnah menzahirkan rasa syukur atas pencapaian Perbadanan TAIB sebagai institusi kewangan Islam yang mampan dan seiring dengan Maqasid Syariah, dengan pertumbuhan positif dalam aset, keyakinan pelanggan serta kejayaan pelaksanaan transformasi digital.

Beliau turut mengetengahkan pelancaran produk baharu dan penambahbaikan seperti Mastercard Travel Pass, program pulangan tunai, Ar-Rizq Term Deposit dan Retirement Saver sebagai langkah memperkukuh perkhidmatan kewangan yang lebih inovatif dan inklusif.

Tambahnya, Perbadanan TAIB juga telah menerima pengiktirafan antarabangsa melalui empat anugerah utama iaitu 'Digital Transformation of the Year - Brunei, Islamic Banking Initiative of the Year - Brunei, Best Islamic Deposit Product in Asia Pacific dan 3G Service Excellence Award - Brunei', yang mencerminkan komitmen berterusan terhadap inovasi, tadbir urus baik dan kecemerlangan perkhidmatan pelanggan.

Selain pencapaian kewangan, beliau turut menghargai dedikasi dan kerjasama seluruh warga Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dalam menjayakan inisiatif komuniti seperti EmpowHer Run 2025 dan TAIB Group Showcase, yang memperkukuh semangat kebersamaan dan keterlibatan sosial di antara Perbadanan TAIB dan masyarakat.

Kemudian, majlis diteruskan dengan ucapan khas disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, dan diteruskan dengan upacara memotong Kek Ulang Tahun Ke-34.

Setelah itu, majlis diikuti dengan jamuan makan malam dan penyampaian anugerah kepada para juara Sukan Antara Rumah-rumah TGOC 2025, yang meraikan semangat kesukanan dan kerjasama warga kerja.

Majlis turut diserikan dengan Cabutan Bertuah Utama, menambahkan keceriaan suasana dan memperkukuh nilai perpaduan serta semangat kejayaan bersama dalam warga Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.




**SESI bergambar ramai pada Majlis Makan Malam Tahunan berkenaan yang diadakan di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.**

# PERBADANAN TAIB DUKUNG TRANSFORMASI DIGITAL, PERKUKUH PENGURUSAN RISIKO

**JERUDONG**, Isnin, 20 Oktober. - Tiga dekad lebih perjalanan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) adalah satu amanah yang besar, yang mana amanah untuk menjaga simpanan para pelanggannya, memainkan peranan positif dalam menjaga kemakmuran ekonomi negara dan menzahirkan nilai-nilai syariah dalam dunia kewangan moden.

Dalam tempoh ini, Perbadanan TAIB telah melalui pelbagai fasa perubahan dan cabaran namun tetap teguh berpaksikan prinsip amanah dan tanggungjawab.

Perjalanan ini bukan sahaja soal angka dan prestasi tetapi perjalanan yang membina Perbadanan TAIB sebagai peneraju dalam perkhidmatan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, semasa Majlis Makan Malam Tahunan Bersempena Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan TAIB Ke-34 bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

Brunei, Jerudong.

Berucap selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya menambah, Perbadanan TAIB terus memainkan peranan dalam memacu pembangunan kepelbagaian sektor berimpak tinggi, sejajar dengan mandatnya sebagai institusi kewangan Islam yang menyokong pembangunan industri dan ekonomi di NBD.

Dalam hal ini jelas Yang Berhormat, strategi Perbadanan TAIB menumpukan kepada pembangunan dan penambahbaikan produk serta perkhidmatan yang berfokus kepada perancangan kewangan jangka panjang dan keperluan pelanggan.

Inisiatif seperti penambahbaikan Kad Kredit, Ar-Rizq Term Deposit, dan produk Retirement Saver, jelas Yang Berhormat, bukan sahaja meningkatkan nilai manfaat pelanggan, malah menyokong aspirasi Skim Persaraan Kebangsaan (SPK).

"Alhamdulillah, dalam lima tahun kebelakangan ini, kita telah menyaksikan pertumbuhan positif yang amat ketara dalam prestasi kewangan Perbadanan TAIB, di samping pengiktirafan antarabangsa dalam pelbagai bidang yang sebelumnya tidak pernah tercapai," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat menyatakan, turut menyaksikan pertumbuhan organisasi dan transformasi digital yang bukan sekadar peningkatan teknologi sahaja tetapi juga satu perubahan yang menyeluruh dalam kecekapan operasi yang turut mengekalkan integriti, keselamatan dan tadbir urus yang kukuh.

Seiring dengan usaha transformasi ini, terang Yang Berhormat, Perbadanan TAIB telah memperkukuhkan pengurusan risiko melalui pembangunan model-model risiko dalaman (*internal models*) yang membantu mengurangkan pendedahan risiko dan meningkatkan kecekapan pengurusan risiko, selaras dengan amalan terbaik industri kewangan.

Dari segi pematuhan dan tadbir urus, Yang Berhormat sukacita melihat bahawa Perbadanan TAIB terus menekankan keutuhan sistem kawalan dan integriti, memastikan setiap operasi dijalankan dengan piawaian tertinggi demi memastikan pertumbuhan institusi dijalankan secara beretika dan berkesan.

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa berucap.**



"Marilah kita terus bergerak ke hadapan dengan semangat yang sama, menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperkukuhkan transformasi digital negara dan mengadaptasi teknologi baharu termasuk Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dalam meningkatkan mutu perkhidmatan serta kecekapan operasi," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu itu, Yang Berhormat dalam ucapannya, merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Mulia Pengarah Urusan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta seluruh warga Perbadanan TAIB yang telah bersama-sama mengukir pencapaian demi pencapaian, sehingga membawa Perbadanan TAIB menjadi institusi yang berdiri teguh sebagai institusi kewangan Islam yang diyakini dan disegani dengan beberapa pencapaian dan pengiktirafan yang cemerlang di peringkat antarabangsa.

# Amalan sedekah asas pembangunan sosial negara






YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Sidang Kedua Seminar sempena Majlis Ilmu 2025 (atas). Sementara gambar kanan, antara pembentang semasa sidang berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Isnin, 20 Oktober. - Seminar sempena Majlis Ilmu 2025 yang diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini mengusung tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' dengan tiga sidang utama yang dipengerusikan oleh panel pakar dalam bidang masing-masing.

Sehubungan itu, Sidang Kedua yang bertema 'Sedekah Pemangkin Pembangunan Negara dan Kesejahteraan Sosial' telah dipengerusikan oleh Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Fuad bin Matahir.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Sidang Kedua tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Pembentang kertas kerja dalam sidang berkenaan ialah Presiden Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) Brunei, Awang Mohd. Yusof bin Halim dengan kertas kerja 'Pemerkasaan Sedekah di Negara Brunei Darussalam: Pengalaman MKM'; Penolong Pengarah Urusan, Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Iswandy bin Ahmad, dengan kertas kerja 'Sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam Pembangunan Sosial dan Kebajikan'; dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Salleh dengan kertas kerja 'Jabatan Pembangunan Masyarakat Sebagai Wadah Sedekah dan Kebajikan Negara dalam Memelihara Golongan yang Memerlukan di Negara Brunei Darussalam'.

Juga hadir, pegawai-pegawai kerajaan dan sektor swasta, ahli akademik, penyelidik, guru-guru, ahli takmir dan Muslimah masjid, para belia, mahasiswa/i, pelajar-pelajar serta masyarakat umum dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih 500 peserta.

Seminar tersebut memberi peluang kepada para hadirin untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan penghayatan mengenai kelebihan serta kebaikan amalan bersedekah dan bersifat pemurah.

Ia juga dapat menimbulkan kesedaran masyarakat akan tanggungjawab sosial terhadap golongan yang memerlukan supaya mereka sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan.

# UTB - STE CONNECT : PLATFORM MENEROKA PENYELESAIAN KOLEKTIF MEMACU PERTUMBUHAN LESTARI



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERAKAS**, Isnin, 20 Oktober. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) secara berterusan memperkukuh kedudukannya sebagai pusat kecemerlangan dalam penyelidikan gunaan dan inovasi bagi menghasilkan graduan dan penyelidikan yang menyumbang kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta kepada komuniti global.

Kemajuan berterusan berkenaan mencerminkan komitmen UTB dalam menyelaraskan pendidikan, penyelidikan dan inovasi dengan aspirasi jangka panjang negara di bawah Wawasan Brunei 2035.

Perkara berkenaan dijelaskan dalam ucapan alu-aluan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh pada Majlis Perasmian UTB Science, Technology and Engineering Connect 2025 (UTB-STE Connect 2025), yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama (ICC), Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Jelas Yang Berhormat, dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen UTB Ke-13 Tahun 2025 baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, turut mengiktiraf pencapaian berkenaan dengan menyatakan bahawa UTB telah mencapai kematangan dalam kurikulum akademik dan keupayaan inovasinya.

Baginda, kata Yang Berhormat lagi, menekankan bahawa kemajuan berkenaan telah mengukuhkan lagi budaya inovasi negara, dan menegaskan bahawa bidang-bidang baharu seperti Kecerdasan Buatan (AI), teknologi iklim dan teknologi mendalam merupakan pemacu utama kelestarian, yang sedang mengubah industri dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu untuk graduan tempatan.

"Berdasarkan momentum ini, tema 'Inovasi Teknologi Untuk Masa Depan Lestari' adalah sangat relevan dan memberi inspirasi.

"Kita kini hidup dalam era transformasi teknologi yang pesat dan berhadapan dengan cabaran global seperti perubahan iklim, keselamatan makanan dan sumber, serta peralihan digital.

Penyelesaian kepada isu-isu kompleks ini tidak akan muncul secara kebetulan, ia memerlukan kerjasama yang dirancang dengan teliti, inovasi kreatif, dan perhimpunan yang berteraskan tujuan seperti kongres ini yang menghimpunkan minda-minda cemerlang untuk merintis hala tuju masa depan yang lestari," ujar Yang Berhormat.

Dalam kerjasama dan penemuan berkenaan jelas Yang Berhormat, UTB-STE Connect 2025 telah menarik lebih daripada 250 kertas kerja daripada 20 buah negara yang merangkumi pelbagai disiplin seperti kejuruteraan, kecerdasan pengkomputeran, agroteknologi lestari, reka bentuk kreatif, dan sistem perniagaan.

Kertas-kertas yang diterima tambah Yang Berhormat, akan diterbitkan dalam Scopus-indexed journals, sekali gus meningkatkan keterlihatan dan impak *citation* UTB dalam komuniti penyelidikan antarabangsa.

"Kongres ini turut menampilkan Forum Presiden Universiti, Forum Kepimpinan Wanita, dan ASEAN Sustainable Ready Summit for Industry, yang kesemuanya merupakan platform penting yang menggalakkan dialog inklusif dan berpandangan jauh mengenai masa depan bersama kita.

"Menerusi platform ini, pemimpin pemikiran, penggubal dasar, dan inovator dapat bertukar idea, mengukuhkan kerjasama, dan meneroka penyelesaian kolektif bagi memacu pertumbuhan lestari di seluruh rantau ini.

"Bagi NBD, bentuk kerjasama seperti ini sangat selari dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran, membina ekonomi yang dinamik dan lestari, serta memastikan kualiti hidup yang tinggi untuk semua rakyat," kata Yang Berhormat lagi.

Dalam merealisasikan aspirasi negara ini, Yang Berhormat menegaskan penyelarasan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Salah satu tumpuan utama kongres berkenaan mencerminkan komitmen bersama terhadap matlamat global ini bagi mengingatkan bahawa sains, teknologi, dan inovasi bukan sahaja perlu memacu kemajuan dan kemakmuran, tetapi juga mesti menjunjung prinsip kelestarian dan keterangkuman, agar pembangunan memberi manfaat kepada manusia dan alam sekitar.

Visi ini, ujar Yang Berhormat turut diterjemahkan melalui Pelan Pendidikan Hijau (Greening Education Plan-GEP) Kementerian Pendidikan yang baru-baru ini dilancarkan untuk memperkasa kesedaran alam sekitar, amalan lestari dan inovasi hijau merentasi ekosistem pendidikan kita.

UTB - STE Connect 2025 menyediakan platform untuk ahli akademik, saintis, penyelidik, jurutera, pakar industri dan pihak berkepentingan lain untuk berkongsi pengetahuan, bertukar idea dan mencadangkan penyelesaian inovatif dalam menangani cabaran kelestarian semasa.

Acara berkenaan juga termasuk sesi panel yang menampilkan satu pembentangan multimedia, diikuti dengan sesi pleno yang disampaikan oleh Presiden Universiti Sunway, Profesor Sibrandes Poppema.

UTB-STE Connect 2025 dianjurkan bersama dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), ASEAN University Network (AUNSEED-NET), COMSTECH, IBM, Institution of Engineering and Technology (IET), Sunway University, University of Technology Sarawak (UTS), Konsortium Universiti Universitas Borneo (KUUB), Kumaraguru College of Technology dan Aligarh Muslim University.

Kongres berkenaan menampilkan pelbagai Program UTB-STE Connect 2025 yang disusun merangkumi lima persidangan dan enam acara utama, yang menawarkan pelbagai topik dan perbincangan.

Kongres itu turut diisi dengan lima persidangan termasuk Persidangan Antarabangsa Brunei Ke-10 mengenai Kejuruteraan dan Teknologi (BICET 2025) dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan, UTB dengan tema 'Inovasi dalam Kejuruteraan dan Teknologi Ke Arah Masyarakat Lestari'.

Persidangan Antarabangsa Ke-7 mengenai Kecerdasan Komputasi Gunaan dalam Sistem Maklumat (ACIIS 2025) dianjurkan oleh Sekolah Pengkomputeran dan Informatik, UTB dengan tema 'Inovasi Digital Pintar dan Tahan Lasak Untuk Kehidupan Lestari', sementara Persidangan Antarabangsa Ke-3 mengenai Perniagaan, Pengurusan dan Sistem Maklumat (ICBMIS 2025) dianjurkan oleh Sekolah Perniagaan UTB dengan tema 'Memanfaatkan Inovasi Teknologi untuk Amalan Perniagaan, Pengurusan, Perakaunan dan Pembangunan Ekonomi yang Lestari'.

Manakala Persidangan Antarabangsa Ke-2 mengenai Agroteknologi, Minuman dan Makanan (ICABF 2025) dianjurkan oleh Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, UTB dengan tema 'Teknologi untuk Pertanian Lestari, Minuman Berkhasiat dan Keselamatan Makanan', sementara Persidangan Antarabangsa Ke-2 mengenai Seni Kreatif, Reka Bentuk dan Teknologi (ICCArTe 2025) dianjurkan oleh Sekolah Reka Bentuk, UTB dengan tema 'Budaya Kreatif dan Konservatif ke Arah Reka Bentuk Mampan dan Inovatif'.

Kongres berkenaan juga akan menampilkan Forum Presiden Universiti UTB Ke-3, Forum Kepimpinan Wanita UTB Ke-2, Persidangan Global Pertama mengenai Industri, Bahan, dan Pembuatan (GCIMM), Postgraduate Colloquium, ASEAN Sustainable Ready Summit for Industry 5.0 Programme (SRI 5.0), serta Penyelaras Sains, Teknologi, dan Inovasi (STI).

Kongres bermula dari 20 hingga 22 Oktober 2025 dalam secara hibrid, dan kongres berkenaan terus menyediakan platform yang cemerlang untuk wacana intelektual, pertukaran pengetahuan dan kerjasama dalam kalangan peserta dari seluruh dunia.

Turut hadir, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku Penasihat Jawatankuasa Penganjur UTB-STE Connect 2025; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr.Chin Wei Keh.

# MEMPERKUKUH KERJASAMA, KESIAPSIAGAAN, TINDAK BALAS BENCANA RANTAU ASEAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menghadiri Mesyuarat Kali Ke-13 ASEAN Ministerial Meeting on Disaster Management (AMMDM) dan 14th Conference of the Parties to the AADMER(COP to AADMER) serta Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Bersama Rakan Dialog ASEAN.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**PHNOM PENH**, Isnin, 20 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman telah menghadiri dan mengetuai delegasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Mesyuarat Kali Ke-13 ASEAN Ministerial Meeting on Disaster Management (AMMDM) dan 14th Conference of the Parties to the AADMER (COP to AADMER) serta Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Bersama Rakan Dialog ASEAN, iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea yang berlangsung pada 15 hingga 17 Oktober 2025 di Phnom Penh, Kemboja.

Mesyuarat kali ini membawakan tema '20 Years of the ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER) : ASEAN's Vision for Global Leadership in Disaster Resilience', bersempena Ulang Tahun Perjanjian AADMER Ke-20 sebagai instrumen perundangan serantau dalam memperkukuh kerjasama, kesiapsiagaan dan tindak balas bencana di rantau ASEAN.

Program Kerja AADMER 2026-2030 juga dilancarkan yang merupakan kesinambungan kepada Program Kerja AADMER 2021 hingga 2025 yang akan berfungsi sebagai garis pandu dan hala tuju strategik ASEAN berkaitan pengurusan bencana bagi tempoh lima tahun yang akan datang.

Program Kerja AADMER 2026-2030 berkenaan juga diselaraskan dengan Visi ASEAN Community 2045 dan Pelan Strategik ASEAN Socio-Cultural Community.

Menteri - menteri Negara Anggota ASEAN yang bertanggungjawab dalam Pengurusan Bencana telah mencapai persetujuan penting dengan meluluskan Kenyataan Menteri bersempena Ulang Tahun Ke-20 Perjanjian AADMER (Perjanjian ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan).

Kenyataan berkenaan menggariskan komitmen yang diperbaharui untuk meningkatkan kerjasama yang lebih erat, perkongsian data yang strategik, dan mengukuhkan penglibatan pelbagai pihak, merangkumi agensi-agensi kerajaan, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan sektor swasta.

Pendekatan Whole of ASEAN berkenaan bermatlamat untuk merealisasikan visi jangka panjang ASEAN untuk menjadi pemimpin global dalam pengurusan bencana. Selain itu, mesyuarat berkenaan turut menekankan dan memperhalusi peranan kritikal Pusat ASEAN Humanitiarian Assistance (AHA Centre) dan prinsip utama 'One ASEAN, One Response'.

Inisiatif berkenaan adalah teras dalam memastikan penyaluran bantuan kemanusiaan yang pantas, berkoordinasi, dan berkesan kepada mana-mana Negara Anggota ASEAN yang terjejas teruk oleh bencana dan memerlukan sokongan segera.

Yang Berhormat dalam kenyataannya telah memberikan penekanan terhadap komitmen berterusan NBD dalam memperkukuh ekosistem pengurusan bencana secara menyeluruh melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation.

Ini termasuklah penyelarasan dasar dan pelaksanaan usaha-usaha negara dengan rangka kerja serantau dan global seperti Perjanjian AADMER dan Sendai Framework for Disaster Risk Reduction dalam usaha untuk mencapai matlamat dalam merealisasikan Sustainable Development Goals.

Yang Berhormat juga turut mengongsikan beberapa perkembangan signifikan yang dicapai oleh NBD dalam pengurusan bencana yang antara lainnya adalah usaha dalam membangunkan National Inventory Disaster Response Plan yang akan berfungsi sebagai sumber rujukan berkenaan dengan keberadaan aset dan kapasiti agensi-agensi yang berkepentingan untuk mempercepatkan pengerahan bantuan kemanusiaan semasa kecemasan, Urban Search and Rescue (USAR) Scoping Exercise dengan sokongan dari Malaysia, iaitu sebagai langkah awal bagi pasukan penyelamat NBD mendapatkan pengiktirafan daripada International Search and Rescue Advisory Group (INSARAG) menjelang 2030.

Penganjuran ASEAN Day for Disaster Management (ADDM) di peringkat kebangsaan yang telah diadakan pada 11 Oktober 2025 di mana pengisiannya termasuk pelancaran Rangka Kerja Disaster Management Strategic Policy Framework (DMSPF), pelancaran Edisi 2025 Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam dan pameran pengurusan bencana sebagai usaha negara untuk memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat dan memperkasa komuniti sebagai barisan pertama tindak balas.

Yang Berhormat turut menggariskan kepentingan ASEAN Disaster Management and Emergency Relief (ADMER) Fund, sebagai sokongan kewangan bagi menjayakan pelaksanaan AADMER Work Programme 2026-2030 yang telah dilancarkan secara rasmi pada Mesyuarat Kali Ke-13 AMMDM berkenaan.

Selain itu, NBD turut menyatakan sokongan padu terhadap Kenyataan Menteri ASEAN Ministerial Statement on the 20 Years of AADMER, yang menegaskan peranan kepimpinan ASEAN dalam membina ketahanan bencana di peringkat global. Komitmen berkenaan merangkumi usaha untuk mengukuhkan AHA Centre dan menyepadukan Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dengan Adaptasi Perubahan Iklim (CCA), sambil menerapkan pendekatan inklusif bagi menjamin tiada pihak yang tercicir.

Selain itu, semasa mesyuarat-mesyurat berkenaan, Yang Berhormat turut menekankan beberapa keutamaan strategik ASEAN dalam memperkukuh ketahanan bencana serantau. Antaranya termasuk kepentingan untuk meningkatkan peranan ASEAN Committee on Disaster Management (ACDM) dan AHA Centre sebagai badan sektoral ASEAN dalam pengurusan bencana dan sebagai pusat operasi utama dalam memantau dan bertindak terhadap kejadian bencana, mempercepatkan pelaksanaan tindakan langkah penjagaan awal, penggunaan teknologi seperti sistem amaran awal, data analitik dan inovasi digital, serta memastikan Program Kerja AADMER 2026 - 2030 dilaksanakan secara inklusif, berfokuskan hasil dan selaras dengan cabaran masa hadapan.

Yang Berhormat juga menyokong pengukuhan ADMER Fund sebagai mekanisme pembiayaan mampan bagi bantuan kemanusiaan dan projek meningkatkan kedayatahanan dan menyeru agar kerjasama ASEAN dengan Rakan-rakan Dialog seperti Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea distrukturkan secara lebih bersistematik melalui mekanisme konsultasi holistik bagi memastikan pelan-pelan kerja bersama Rakan-rakan Dialog dalam pengurusan bencana adalah selaras dengan Program Kerja AADMER 2026-2030.

Yang Berhormat bersama dengan Menteri-menteri Negara Anggota ASEAN yang bertanggungjawab dalam Pengurusan Bencana juga telah berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet, yang berlangsung di Peace Palace dan telah diberikan penghormatan bagi mewakili Menteri-menteri Negara Anggota ASEAN Yang Bertanggungjawab Dalam Pengurusan Bencana untuk menyampaikan kepada Perdana Menteri Kerajaan Kemboja mengenai dengan perkembangan terkini aktiviti dan inisiatif utama AMMDM serta peranan penting AHA Centre dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan dan fungsinya sebagai cabang operasi utama untuk Program AADMER yang telah ditetapkan.

Selain itu, juga dikongsikan adalah hala tuju strategik yang diperoleh semasa NBD mempengerusikan AMMDM pada 2024, sekali gus memastikan kesinambungan dalam usaha ASEAN untuk membina ketahanan bencana yang lebih mampan di peringkat serantau.

Dalam Majlis berkenaan, Perdana Menteri Kemboja telah menekankan mengenai kepentingan perpaduan serantau, perkongsian sumber dan kerjasama strategik dalam menghadapi risiko bencana.

Tuang Yang Terutama juga telah mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Menteri-menteri ASEAN ke Negara Kemboja dan komitmen yang diberikan bagi meningkatkan kerjasama ASEAN dalam meningkatkan kedayatahanan serantau dalam pengurusan bencana dan ke arah memupuk ASEAN yang lebih selamat dan berdaya tahan.

# UBD adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 21 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun UBD Ke-40, hari ini.

Acara berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan yang juga selaku Ahli Majlis UBD (Deputy Minister of Religious Affairs and member of UBD Council).

Juga hadir, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin juga selaku Ahli Majlis UBD dan pegawai-pegawai pengetua, staf, mahasiswa dan Alumni UBD.

Pada majlis tersebut, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid UBD, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun Universiti Brunei Darussalam Ke-40.

# SEDEKAH MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN MENTAL

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Isnin, 20 Oktober. - Sidang Ketiga Seminar sempena Majlis Ilmu 2025 yang diadakan pada sebelah petang di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) menampilkan empat ahli panel yang membentangkan kertas kerja masing-masing di bawah tema 'Kelestarian dan Transformasi Sedekah'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Sidang Ketiga berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Sesi berkenaan dipengerusikan oleh Penolong Profesor Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pengiran Dr. Norhazlin binti Pengiran Haji Muhammad.

Dalam pembentangan kertas kerja oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid dengan tajuk 'Impak Sedekah Terhadap Aspek Psikologi Individu dan Dimensi Sosial', beliau antara lain mengongsikan mengenai rangka konseptual yang mengaitkan sedekah dengan proses psikologi dan impak sosialnya.

Beliau menjelaskan, sintesis kajian rentas budaya menunjukkan pola peningkatan kebahagiaan dan pengurangan keresahan apabila individu memberi, menandakan isyarat yang mungkin bersifat universal dalam psikologi memberi.

Rangka berkenaan menerangkan bagaimana sedekah berpotensi meningkatkan kesejahteraan mental melalui pengurangan stres, menumbuhkan empati, memperkukuh makna diri, menenangkan jiwa dan mengaktifkan litar ganjaran otak yang menghasilkan *warm glow*.

Pada masa sama, amalan berkenaan dijangka memperkukuh perpaduan komuniti, membina modal serta kepercayaan sosial, dan memupuk solidariti sejajar prinsip maslahah. Implikasi praktikal menawarkan panduan untuk pengamal dan pembuat dasar mengintegrasikan amalan sedekah berterusan ke dalam strategi kesejahteraan psikologi dan penguatan hubungan sosial, sekali gus menyokong pembangunan modal sosial dan kebajikan kolektif pada skala nasional, selaras prinsip maslahah.

Sementara itu, Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk pula menjelaskan, memupuk sifat pemurah dalam kalangan generasi muda sebagai asas pembentukan akhlak mulia yang sangat penting untuk dilaksanakan.

Menurut Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi, sifat pemurah bukan sahaja melibatkan pemberian harta, tetapi juga merangkumi masa, tenaga, ilmu, doa bahkan senyuman.

Dalam kertas kerjanya bertajuk 'Memupuk Jiwa Pemurah/Memberi Dalam Kalangan Generasi Muda', beliau turut menekankan peranan keluarga, sekolah dan masyarakat dalam membentuk jiwa pemurah terutama dalam diri generasi muda.

Tambahnya, antara langkah yang boleh diambil ialah mendidik melalui teladan, membiasakan amalan bersedekah, menyertai program kebajikan dan mendedahkan mereka kepada kisah teladan para sahabat yang terkenal dengan kemurahan hati.

Kesimpulannya, generasi muda yang dibimbing dengan sifat pemurah akan membesar sebagai insan yang berjiwa besar, penyayang dan mampu melahirkan masyarakat yang harmoni, penuh kasih sayang, serta dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala.

Pembentang ketiga pula dengan kertas kerja bertajuk 'Inovasi Digital Dalam Menggerakkan Budaya Sedeka', Pemangku Penolong Pengarah Urusan 1 dan Pemangku Ketua Pegawai Operasi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah, antara lain pula menyatakan bahawa sedekah kekal relevan sepanjang zaman, namun inovasi memastikan ia terus berkembang bersama masyarakat.

Beliau juga mengongsikan platform digital seperti BIBD NEXGEN Wallet, Online dan BizNet yang merupakan antara saluran yang lancar bagi sumbangan kebajikan, di samping derma berasaskan Kod QR (QuickPay) yang digunakan secara meluas bagi zakat fitrah dan kutipan amal.

Platform digital dan program berstruktur BIBD menghidupkan budaya memberi yang mudah, berimpak, serta sejajar dengan aspirasi negara. Dengan memudahkan cara untuk beramal, BIBD membantu komuniti berkembang sambil memupuk ketahanan dan belas kasihan jangka panjang di Negara Brunei Darussalam.

Manakala Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, dengan kertas kerja bertajuk 'Membudayakan Amalan Sedekah Dalam Kalangan Masyarakat' pula mengongsikan sedekah dalam Islam tidak terhad kepada pemberian berbentuk harta semata-mata tetapi turut merangkumi segala bentuk kebaikan yang dilakukan secara ikhlas demi manfaat orang lain.

Namun begitu jelasnya, dalam konteks masyarakat masa kini, budaya sedekah berhadapan dengan cabaran seperti sikap individualistik, materialistik, dan kelemahan kefahaman terhadap hikmah yang terkandung dalam amalan berkenaan.

Oleh itu, beliau menegaskan apabila hendak melaksanakan sesuatu, ia bermula dari diri kita sendiri di mana sedekah yang kekal selamanya adalah sedekah kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurut Dr. Hajah Ummi Fa'izah lagi, kita juga perlu yakin bahawa setiap apa yang kita lakukan akan digantikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan keberkahan pada rezeki, tenaga, mahupun masa yang disalurkan.

Seminar juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan dan sektor swasta, ahli akademik, penyelidik, guru-guru, ahli takmir dan Muslimah Masjid, para belia, mahasiswa dan mahasiswi, pelajar-pelajar serta masyarakat umum.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Sidang Ketiga Seminar sempena Majlis Ilmu 2025.**

# Sedekah zahir ketakwaan, keprihatinan sosial terhadap golongan memerlukan

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Azmah Haji Ahad, Nurdiyanah Rajami**



**YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie hadir selaku tetamu kehormat pada Sidang Pertama Seminar Majlis Ilmu 2025.**

**BERAKAS**, Isnin, 20 Oktober. – Seminar Majlis Ilmu 2025 telah membuka tirainya dengan sidang pertama bertajuk 'Fadilat dan Keberkatan Sedekah dalam Maqasid Syariah' di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini pagi tadi.

Seminar yang dianjurkan bersempena Majlis Ilmu 2025 dengan memperkasa tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' berkenaan merangkumi tiga sidang utama dengan berlainan tajuk secara keseluruhannya berlangsung pada hari ini sekali gus menampilkan pembentangan para panel pakar dalam bidang masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Sidang Pertama berkenaan, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sidang Pertama berkenaan telah menyaksikan pembentangan pertama daripada Penolong Mufti (Ifta'), Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah dengan kertas kerja bertajuk 'Fatwa dan Hukum-hukum Berkaitan Sedekah di Brunei Darussalam' yang antaranya menyentuh mengenai sedekah merupakan salah satu amalan utama dalam agama Islam yang menzahirkan ketakwaan serta keprihatinan sosial umat Islam terhadap golongan yang memerlukan.

Beliau juga menegaskan walaupun amalan sedekah telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD), penjelasan hukum dan isu-isu berkaitan dengannya masih diperlukan dari semasa ke semasa. Hal ini penting bagi memastikan pelaksanaan dan urus tadbir sedekah selaras dengan tuntutan hukum syarak.

Dengan pembentangan kertas kerja berkenaan, ia diharap dapat menyumbang kepada peningkatan kefahaman dan pengetahuan masyarakat tentang isu-isu berkaitan sedekah sunat melalui rujukan kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan di NBD.

Manakala pembentangan kedua dengan menghuraikan sebuah kertas kerja bertajuk 'Sedekah Dalam Bingkai Maqasid Al-Syariah : Instrumen Kebijakan dan Kesejahteraan Lestari' yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Ketua Program Lepas Ijazah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Cecep Soleh Kurniawan.

Beliau antaranya menjelaskan syariah Islam diturunkan dengan kesempurnaan bagi memastikan kepentingan manusia terpelihara di dunia dan akhirat. Prinsip berkenaan menjadi asas kepada Maqasid Al-Syariah, yang menegaskan bahawa setiap ajaran agama Islam mempunyai matlamat untuk memastikan kesejahteraan hidup manusia secara menyeluruh.

Dalam pada itu, Dr. Awang Cecep Soleh Kurniawan juga menegaskan dalam pembentangan kertas kerjanya bahawa sedekah sebagai salah satu bentuk *tabarru'at* bukan sekadar ibadah yang menzahirkan ketaatan dan taqarrub kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi juga instrumen sosial yang mencerminkan keikhlasan memberi tanpa imbalan daripada manusia. Ia berfungsi membina solidariti, mengurangkan jurang ekonomi, serta memperkukuh jaringan kesejahteraan ummah.

Beliau turut menyentuh bahawa hubungan antara maqasid dan sedekah semakin relevan apabila dikaitkan dengan cabaran semasa seperti kemiskinan bandar, ketidaksamaan ekonomi, krisis kemanusiaan, dan keperluan pembangunan lestari. Sedekah dalam perspektif maqasid menyediakan asas normatif untuk merangka penyelesaian yang lebih adil, inklusif dan berdaya tahan.

Seterusnya Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Harapandi bin Dahri selaku pembentang ketiga telah menyampaikan kertas kerja berjudul 'Amalan Sedekah : Meraih Keberkatan Dunia dan Akhirat'.

Antara yang disentuh dalam pembentangan berkenaan ialah Islam sebagai agama yang diturunkan Allah Subhanahu Wata'ala menjadi pegangan utama umat akhir zaman, lengkap dengan ajaran dan doktrin yang meliputi akidah, syariat, dan akhlak, di mana salah satu ajaran utama yang harus diamalkan adalah bersedekah.

Beliau seterusnya mengongsikan keutamaan sedekah sebagai salah satu amalan utama dalam Islam sangat besar manfaatnya, baik dalam menghapus dosa mahupun mendatangkan rezeki yang berkat, sebagaimana disebutkan dalam Kitab Al-Fawaidul Mukhtarah karya Habib Zain Ibn Ibrahim bin Smith : Sedekah adalah jalan untuk membersihkan dosa dan membuka pintu rezeki yang luas.

Dr. Awang Haji Harapandi seterusnya menyatakan melalui analisis terhadap teks-teks suci Al-Quran, hadis-hadis sahih serta biografi para sahabat dan ulama yang sentiasa mencontohkan amalan sedekah sebagai jalan meraih keberkatan dunia dan akhirat, artikel itu menegaskan bahawa sedekah bukan hanya amal sosial, tetapi juga ibadah yang memiliki keutamaan besar.

Selain itu, beliau menghuraikan mengenai pengaruh positif sedekah dalam kehidupan peribadi mahupun masyarakat sangat besar, seperti mempererat ukhuwah, meningkatkan kesejahteraan dan menjadi perantara mendapatkan perlindungan serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sidang pertama berkenaan telah sempurna dipengerusikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Seminar berkenaan dihadiri oleh lebih 500 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan sektor swasta, ahli akademik, penyelidik, guru-guru, ahli takmir dan Muslimah Masjid, para belia, mahasiswa dan mahasiswi, pelajar-pelajar serta masyarakat umum.

# Bolehkah Membatalkan Akad Jual Beli Yang Sudah Sah?

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**JUAL** beli adalah perkara yang lumrah dalam kehidupan seharian dan pada kebiasaannya terhasil dengan persetujuan antara penjual dan pembeli. Natijah daripada akad jual beli yang sah ialah pemindahan milik barang kepada pembeli dan wang belian kepada penjual.

Kadangkala seseorang membuat pembelian secara tergesa-gesa, lalu mendapati bahawa barang yang dibeli itu tidak diperlukan atau melebihi keperluan sebenar. Menyedari perkara itu, pembeli mahu membatalkan akad jual beli tersebut dan mahu memulangkan barang yang dibeli, bukan kerana aib atau kecacatan pada barang belian tersebut. Dalam keadaan seperti ini, adakah membatalkan akad jual beli yang sudah sah itu dibenarkan menurut syara'?

Dalam perkara pembeli memulangkan barang belian ini, menurut mu'amalat Islam ia termasuk dalam kategori hukum *iqalah*. *Iqalah* berlaku pada suatu akad yang segala rukunnya adalah sempurna dan segala syaratnya telah dipenuhi.

Pengertian *iqalah* ialah persetujuan kedua-dua pihak yang berakad untuk membatalkan akad yang boleh dibatalkan (*fasakh*) melalui hak pilihan (*khiyar*). Maksud *khiyar* ialah hak memilih perkara yang terbaik sama ada untuk meneruskan atau membatalkan akad yang diberikan kepada pihak-pihak yang berakad setelah akad tersebut dilaksanakan.

*Iqalah* hanya berlaku terhadap akad yang bersifat *lazim*, iaitu akad yang tidak boleh dibatalkan melainkan dengan persetujuan kedua-dua pihak yang berakad, dan boleh menerima pembatalan (*fasakh*) melalui *khiyar* seperti akad jual beli, sewaan, mudharabah, gadaian bagi pihak penggadai, *salam* atau *sulh*. Walau bagaimanapun bagi akad yang tidak bersifat *lazim*, iaitu akad yang boleh dibatalkan tanpa ada persetujuan kedua-dua pihak yang berakad, seperti akad pinjaman, wasiat dan *ju'alah*, *iqalah* adalah tidak diperlukan. Manakala akad yang bersifat *lazim* yang tidak menerima pembatalan melalui *khiyar* seperti wakaf dan nikah, maka *iqalah* tidak berlaku padanya.

Pensyariatan *iqalah* bertujuan memudahkan urusan dan meringankan kesulitan orang lain, dan mencerminkan kemurahan hati pelakunya serta sikap tolong-menolong yang digalakkan dalam ajaran Islam.

Pembatalan akad jual beli yang sah secara *iqalah* hukumnya adalah harus. Namun jika permintaan *iqalah* itu berlaku atas sebab penyesalan pihak yang memintanya, sama ada penjual atau pembeli atau kedua-duanya, maka hukumnya adalah sunat bagi pihak yang satu lagi untuk bersetuju dengan *iqalah* tersebut. Mereka dijanjikan ganjaran besar di akhirat kelak. Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Orang yang melakukan iqalah (mempersetujui untuk membatalkan) suatu akad jual beli terhadap seorang muslim (nescaya) Allah akan melakukan iqalah terhadap dosanya (mengampunkannya pada hari Kiamat).*

(Hadits riwayat Abu Daud, Ibn Majah dan Ibn Hibban)

Imam ash-Shan'ani *Rahimahullah* pengarang kitab Subul as-Salam menyatakan bahawa persetujuan untuk *iqalah* tidak hanya terbatas kepada penjual atau pembeli di kalangan orang Islam. Jika berlaku *iqalah* dengan orang bukan Islam, maka ganjaran *iqalah* itu tetap diperolehi.

*Shighah* iaitu ucapan *ijab* dan *qabul* merupakan rukun dalam *iqalah*. Ucapan *ijab* daripada pihak yang meminta *iqalah* seperti katanya : "*Batalkan jual beli saya ini*" atau "*Kita batalkan jual beli ini*" atau dengan ucapan lain yang membawa maksud membatalkan akad jual beli berkenaan. Manakala ucapan *qabul* daripada pihak satu lagi yang menunjukkan persetujuan seperti katanya : "*Saya batalkan jual beli dengan anda*" atau "*Saya setuju*" atau "*Saya terima*". *Ijab* dan *qabul* antara penjual dan pembeli itu berlaku dalam satu majlis akad (*ittihad al-majlis*).

Dalam perkara jual beli, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin, *iqalah* harus dilakukan sebelum berlaku serah terima (*qabdh*) barang belian. Menurut asy-Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya Asna al-Mathalib pula, *iqalah* sah dilakukan pada keseluruhan barangan atau pada sebahagiannya sahaja dengan syarat bahagian tersebut ditentukan atau diketahui. Contohnya seseorang telah sempurna membeli tiga kilogram beras dan dia belum menerima beras tersebut daripada penjual. Pembeli harus melakukan *iqalah* sama ada keseluruhan tiga kilogram beras atau sebahagian daripada tiga kilogram beras tersebut.

*Iqalah* pada akad jual beli yang dikira sah hendaklah memenuhi beberapa syarat, antaranya :

1. *Iqalah* dilakukan atas persetujuan kedua-dua pihak dan bukan atas paksaan. Jika salah satu pihak dipaksa untuk melakukannya, maka tidak sah pembatalan akad jual beli tersebut.

2. *Iqalah* dilakukan tanpa sebarang perubahan daripada akad asal. Dalam perkara ini, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin, jika *iqalah* itu dilakukan dengan perubahan harga daripada harga asal seperti dengan menambah atau mengurangkannya, maka *iqalah* tersebut dianggap tidak sah. Akad tersebut kekal sebagaimana asalnya seolah-olah tidak berlaku pembatalan kerana akad yang sedia ada itu adalah akad yang sah yang memenuhi rukun dan syarat yang ditetapkan.

Demikian juga menurut pendapat *as-shahih*, *iqalah* adalah pembatalan (*fasakh*) kepada akad yang sedia ada dan bukan sebagai akad jual beli yang baru. Dengan pembatalan tersebut, kedua-dua pihak kembali kepada keadaan asal sebelum berlaku akad. Oleh itu, pembeli mengembalikan barang belian kepada penjual dan penjual mengembalikan wang kepada pembeli.

Sebagai kesimpulan, pembatalan akad jual beli secara *iqalah* setelah akad tersebut sempurna dan berlaku atas persetujuan kedua-dua pihak yang berakad hukumnya adalah harus. Mempersetujui pembatalan akad jual beli itu sama ada daripada pihak pembeli atau pihak penjual hukumnya adalah sunat dan dijanjikan ganjaran penghapusan dosa di akhirat kelak. Walau bagaimanapun pembatalan akad tersebut hendaklah mengikut akad asal.

---

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوالن قوسة دعوه اسلاميه

# Istighfar

**DALAM** kehidupan manusia yang tidak terlepas daripada melakukan dosa dan kesalahan, Allah tidak pernah menutup pintu keampunan-Nya. Di sinilah istighfar memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja sebagai satu bentuk penyucian diri, malah ia adalah lambang kehambaan dan pengharapan seorang insan kepada Penciptanya. Istighfar juga merupakan amalan yang sangat dititikberatkan oleh Islam, malah sering diamalkan selepas sembahyang fardu sebagai zikir dan doa yang mampu menenangkan hati serta menyucikan jiwa.

Perkataan 'istighfar' berasal daripada akar kata Arab iaitu *ghafara*, yang membawa maksud mengampunkan. Adapun amalan ini bukan sekadar lafaz di bibir sahaja, akan tetapi ia boleh menggambarkan keinsafan dan kesedaran seorang hamba terhadap dosa yang dilakukannya. Dalam Islam, istighfar dianggap sebagai antara ibadah yang paling mudah untuk dijadikan sebuah amalan harian dan mengandungi ganjaran yang besar di sisi Allah. Dengan beristighfar, seseorang itu bukan sahaja dapat memperoleh keampunan, bahkan juga ganjaran pahala yang melimpah.

Istighfar mempunyai banyak manfaat dari sudut rohani dan kehidupan harian. Ia membantu membersihkan hati, menjauhkan diri daripada maksiat dan menenangkan jiwa yang resah. Bahkan, para ulama menekankan bahawa dengan memperbanyakkan istighfar, seseorang boleh mendapat rezeki yang tidak disangka-sangka. Allah juga telah mengajarkan beberapa langkah untuk menyucikan diri, antaranya ialah dengan memperbanyakkan zikir, bertaubat dan memohon keampunan melalui istighfar.

Dalam Surah An Nisaa', ayat 106 Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang bermaksud :

*"Dan mohonlah ampun kepada Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih"*.

Ayat ini menunjukkan bahawa istighfar adalah perintah yang jelas dalam agama Islam dan menjadi salah satu jalan untuk menghapuskan dosa kita. Oleh itu, Allah tetap akan menerima taubat jika kita ikhlas melakukannya.

Selain itu, dalam sebuah hadis qudsi yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

*"Allah berfirman : "Wahai anak Adam, sesungguhnya kamu memohon dan berharap kepada-Ku, nescaya Aku mengampuni betapa pun banyaknya dosa yang ada pada dirimu dan Aku tidak peduli"*.

Di samping itu, istighfar juga turut membantu dalam usaha memperbaiki diri. Dengan mengamalkannya dalam kehidupan seharian, seseorang dapat membentuk keperibadian yang lebih rendah hati serta menjauhkan diri daripada sifat sombong. Lebih-lebih lagi apabila seseorang membiasakan dirinya dengan beristighfar, ia menanam rasa kedekatan dan kebergantungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada masa yang sama, amalan ini juga membawa ketenangan jiwa dan kedamaian hati. Ia turut berperanan dalam mengurangkan keresahan dan kecemasan, bahkan juga membantu pemikiran menjadi lebih tenang serta kuat dalam menghadapi pelbagai ujian kehidupan.

Tambahan pula, istighfar juga menjadi salah satu asbab terbukanya pintu rezeki. Rezeki yang dimaksudkan di sini bukan hanya dalam bentuk wang dan harta, malah dalam bentuk keberkatan hidup. Istighfar mengingatkan seseorang untuk tidak terpedaya dengan kekayaan dunia, malah sebaliknya menjadikan seseorang itu untuk terus bersyukur atas setiap nikmat yang diberikan. Jika kita mengamalkannya secara konsisten, kita bukan sahaja memperoleh keberuntungan di dunia tetapi juga ganjaran di akhirat iaitu berupa pahala dan kedekatan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Adapun apabila seseorang mengamalkan istighfar setiap hari, tidak kira masa atau tempat, ia ibarat menyapu kekotoran dalam jiwa dan menghadirkan kebersihan hati dan minda. Selain daripada itu, kehidupan menjadi lebih teratur dan dipermudahkan oleh Allah termasuklah dalam urusan kerja, pelajaran mahupun hubungan sesama manusia. Sekali gus istighfar menjadi kunci kepada penyelesaian setiap kesulitan yang dihadapi kerana padanya tersimpan rahmat dan pertolongan daripada Allah yang Maha Mengasihani.

Selain memperoleh manfaat duniawi, istighfar juga mencerminkan cinta dan harapan seorang hamba terhadap Tuhannya. Dalam setiap lafaz istighfar, tersembunyi pengakuan terhadap kelemahan diri dan pengharapan yang mendalam kepada rahmat serta keampunan Allah. Ia adalah bentuk kerendahan hati, tanda bahawa seseorang itu menyedari kebergantungan mutlaknya kepada Allah yang Maha Pengampun.

Para nabi juga mengamalkan istighfar walaupun mereka maksum (terpelihara daripada dosa). Sebagai contoh yang dapat kita ikutkan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri beristighfar lebih daripada 70 kali sehari, sebagaimana disebut dalam hadis sahih. Ini menunjukkan bahawa istighfar bukan semata-mata untuk mereka yang berdosa, tetapi juga sebagai amalan untuk mengekalkan hubungan rapat dan kasih dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Istighfar bukan sahaja membawa ketenangan dan keberkatan tetapi ia juga menjadi pelindung daripada bala bencana dan azab. Dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala menjelaskan bahawa istighfar adalah sebab tertangguh suatu azab kepada sesuatu kaum. Firman Allah dalam Surah Al-Anfaal, ayat 33 yang mafhumnya :

*"Dan Allah sekali-kali tidak akan menyeksa mereka selama engkau (wahai Nabi Muhammad) berada di kalangan mereka (di negeri Mekah) dan Allah sekali-kali tidak akan menyeksa mereka, selama mereka beristighfar (memohon ampun)"*.

Ini menunjukkan bahawa istighfar bukan hanya penghapus dosa, tetapi juga benteng perlindungan yang sangat besar daripada musibah, bala dan ujian yang berat. Jelaslah, dengan memperbanyakkan istighfar adalah antara usaha untuk memohon perlindungan dan rahmat dari Allah. Ia menjadi pendinding rohani yang sangat kuat bagi mereka yang konsisten dalam memohon ampun kepada Allah.

Oleh yang demikian, natijah daripada beramal dengan beristighfar dapat membuka pintu keampunan, ketenangan, keberkatan dan kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Maka jadikanlah istighfar sebagai amalan harian kita tidak kira waktu atau tempat, kerana istighfar merupakan amalan yang sangat mudah, namun membawa kesan luar biasa dalam kehidupan seorang Muslim.

# Meningkatkan amalan terbaik dasar PMKS






**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir dan seterusnya bergambar ramai pada National Dissemination Seminar for The ASEAN SME Policy Index (ASPI) 2024 bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel (atas kanan dan atas).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Oktober. - Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di peringkat ASEAN merupakan nadi kepada komuniti, memacu inovasi dan memperkukuh ekonomi tempatan untuk membantu merapatkan jurang pembangunan.

Manakala pada peringkat kebangsaan, PMKS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi negara. Untuk memastikan kejayaan mereka yang berterusan, usaha bersama amat penting bagi membina ekosistem kukuh yang dapat memperkasa PMKS untuk terus berkembang, berinovasi dan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara.

Demikian antara yang diucapkan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin pada National Dissemination Seminar for The ASEAN SME Policy Index (ASPI) 2024 bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) bertempat Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, hari ini.

Menurutnya lagi, NBD dalam ASPI 2024 mengesahkan kemajuan yang telah dicapai dalam memperkukuh ekosistem pembangunan PMKS negara.

Dalam kajian, menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam kesemua lapan dimensi berbanding tahun 2018 sekali gus mencerminkan pendekatan Whole of Nation dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan perusahaan.

"Melalui konsultasi yang meluas lebih daripada 20 pemegang kepentingan kebangsaan, kajian ini telah memberikan pandangan berharga mengenai keberkesanan inisiatif serta mengenal pasti peluang untuk kerjasama lanjut dan penambahbaikan dasar.

"Proses kolaboratif kerjasama yang diterajui oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan Bahagian the Industry and Business Ecosystem (IBE) di antara kerajaan, sektor swasta dan institusi dapat menghasilkan hasil yang praktikal dan membimbing penggubalan dasar berasaskan bukti," jelasnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa dalam penemuan ASPI 2024, terdapat pencapaian terbaik yang dicatatkan dalam aspek akses kepada kewangan dan rangka kerja institusi.

Hasil ini mencerminkan rangka kerja sokongan kewangan yang telah mantap serta penambahbaikan inisiatif kebangsaan dan penyelarasan antara pemegang kepentingan yang berkaitan.

Salah satu pencapaian penting yang diiktiraf dalam penilaian ASPI 2024 ialah penerimaan definisi PMKS NBD, yang memberikan kejelasan dan konsistensi merentas dasar dan program.

"Kemajuan positif juga telah diperhatikan dalam aspek produktiviti, teknologi dan inovasi serta dalam perusahaan sosial dan inklusif, menyerlahkan penekanan yang semakin meningkat terhadap pendigitalan, keusahawanan dan pertumbuhan yang inklusif.

"Secara keseluruhan, NBD berada dalam kalangan negara ASEAN yang berada di tahap pertengahan, mencerminkan ekosistem PMKS yang semakin matang dengan potensi yang kukuh untuk inovasi dan pertumbuhan," ujarnya lagi.

BEDB sebagai agensi utama yang mewakili NBD ke Jawatankuasa Penyelaras ASEAN mengenai the ASEAN Coordinating Committee on MSMEs (ACCMSME), dengan kerjasama IBE.

Seminar ini bertujuan untuk menyebarkan penemuan utama daripada ASPI 2024 dan meningkatkan kesedaran tentang amalan terbaik dasar PMKS dan jurang di seluruh ASEAN serta memudahkan dialog antara pembuat dasar, pihak berkepentingan dan rakan-rakan kerjasama untuk menggalakkan pertukaran ilmu bagi penambahbaikan dasar PMKS dan menyoroti perkembangan dasar terkini di peringkat ASEAN.

Di peringkat kebangsaan, NBD dalam ASPI 2024 menunjukkan kemajuan yang positif bagi mencerminkan usaha menyeluruh seluruh negara dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Dalam latihan merangkumi pengumpulan data dan konsultasi bersama pihak berkepentingan di seluruh negara, telah memberikan pandangan terhadap program sedia ada dan membuka peluang untuk kerjasama yang lebih kukuh.

Dengan melangkah ke hadapan dalam penemuan ini, ia dijangka akan dapat membimbing keutamaan negara dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, sambil menggalakkan kerjasama yang lebih berkesan di peringkat kebangsaan dan serantau bagi menyokong pertumbuhan perusahaan tempatan.

# MESYUARAT TUMPUKAN HALA TUJU PEMBANGUNAN TVET



**MESYUARAT Lembaga Tadbir Ke-36 Pusat Serantau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO VOCTECH) berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia (atas dan kanan).**




**Oleh : Siti Rokiah Abdullah**
**Foto : Ihsan Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH**

**KUALA LUMPUR**, Isnin, 20 Oktober. - Mesyuarat Lembaga Tadbir Ke-36 Pusat Serantau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO VOCTECH) berlangsung baru-baru ini di Kuala Lumpur, Malaysia, menghimpunkan ahli-ahli lembaga pengarah, pakar pendidikan serta rakan strategik serantau dalam usaha memperkukuhkan agenda TVET di rantau Asia Tenggara.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh SEAMEO Secretariat Ex-Officio, John Carlo Pineda Fernando; Naib Pengerusi SEAMEO VOCTECH, Dr. Ang Kiam Wee; Pengarah Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek; serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah Pusat dan wakil-wakil dari Negara Anggota SEAMEO, rakan serantau dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Dasar dan Kurikulum), Kementerian Pendidikan Malaysia, Dr. Rusmini binti Ku Ahmad pada 15 Oktober lalu.

Diadakan secara tahunan, mesyuarat ini berfungsi sebagai platform strategik untuk menilai pencapaian pusat, menyelaras inisiatif serantau selaras dengan keutamaan pendidikan negara anggota, serta membincangkan hala tuju pembangunan TVET bagi tahun fiskal akan datang.

Selain itu, ahli mesyuarat turut meneliti dan membincangkan beberapa kertas kerja untuk tujuan pengesahan, kelulusan, pertimbangan dan makluman bagi memastikan tadbir urus yang telus dan berkesan.

Bersempena mesyuarat tersebut, SEAMEO VOCTECH dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia turut menganjurkan Persidangan TVET Serantau pada 16 Oktober bertemakan 'Peralihan Digital dan Hijau: Membina Ekosistem TVET Inklusif untuk Asia Tenggara'.

Persidangan itu menumpukan perbincangan kepada keperluan transformasi sistem TVET dalam menghadapi era pendigitalan dan pembangunan ekonomi hijau. Ia turut menyediakan platform dialog antara pembuat dasar, pendidik dan pemimpin industri bagi membina ekosistem TVET yang mampan, inovatif dan inklusif.

Sebanyak 11 Ahli Lembaga Tadbir SEAMEO dan wakil institusi telah berkongsi pandangan mereka termasuk daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), GIZ-RECOTwin, Labtech International, Centre for Technology Excellence Sarawak (CENTEX) dan UNESCO Jakarta.

Antara isu utama yang dibincangkan termasuk pembangunan kompetensi digital dan hijau, peningkatan latihan perguruan TVET serta penyelarasan kurikulum dengan kehendak industri semasa.

Turut serta sebagai peserta ialah wakil daripada SEAMEO SEN, UTM, Victron Venture Sdn. Bhd., dan Jawatankuasa Pemandu Pengajaran dan Pendidikan Vokasional E-Dagang Kebangsaan (NCTEE) dari Republik Rakyat China, yang turut memeriahkan pertukaran ilmu dan memperkukuh hubungan kerjasama serantau.

Bagi mengukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan delegasi, satu aktiviti keseimbangan kerja dan kehidupan turut dianjurkan, termasuk lawatan penghayatan budaya ke Kompleks Kraf Malaysia dan lawatan pendidikan ke Kolej Vokasional ERT Setapak.

Program tersebut memberi peluang kepada para delegasi untuk berinteraksi secara tidak formal, sekali gus mengeratkan jaringan profesional dan memupuk semangat kerjasama berterusan dalam kalangan Ahli SEAMEO VOCTECH.

# Statistik berkualiti pandu kemajuan negara capai Wawasan Brunei 2035

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Oktober. – Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin menekankan bahawa statistik yang berkualiti, tepat dan boleh dipercayai adalah amat penting dalam memandu kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dr. Hajah May Fa'ezah dalam ucapannya juga menekankan mengenai tiga keutamaan dalam memperkukuh ekosistem data negara, iaitu meningkatkan kualiti data pentadbiran melalui penyelarasan yang lebih baik, mempercepatkan pendigitalan serta penerapan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), dan memperkasa keupayaan pegawai dalam bidang data di seluruh sektor kerajaan.

"Usaha-usaha ini adalah penting untuk memastikan statistik negara kekal relevan, berwibawa dan dapat menyokong perancangan dasar yang berkesan demi pembangunan negara," tegasnya pada Majlis Sesi Dialog Peringkat Kebangsaan hari ini bersempena memperingati Hari Statistik Sedunia 2025, bertempat di Dewan Teater, MOFE.

Jelasnya lagi, bagi mencapai hasil yang bermakna di bawah Wawasan Brunei 2035, adalah penting agar dasar-dasar kita dipandu oleh data yang boleh dipercayai. Memperkukuh data pentadbiran, mengadaptasi inovasi digital dan memupuk budaya berasaskan data akan menjadi kunci dalam memastikan statistik terus menyokong perancangan dasar yang berkesan serta pembangunan negara.

Terdahulu, Pemangku Pengarah, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Heidi Farah Sia binti Abd. Rahman, menyatakan bahawa dialog berkenaan sejajar dengan tema kebangsaan yang menekankan kepentingan statistik berkualiti bagi menyokong Wawasan Brunei 2035.

Beliau menekankan akan pentingnya meningkatkan kesedaran statistik serta mengiktiraf peranan penting pada pegawai statistik dan pembekal data daripada pelbagai agensi kerajaan dalam membina ekosistem data negara yang kukuh.

Bagi Pertandingan Video Penjenayah Alam Sekitar Dalam Talian, pelajar dari Sekolah Rendah Bengkurong, iaitu Awang Aydeen Rizqin Diestro Margate bin Abdullah (Tahun 5) berjaya meraih tempat pertama.

Sementara itu, bagi Kategori Fotografi Dalam Talian (Poster Digital), Awang Mohammad Razinuddin Amrullah bin Mohammad Izzuddin, Dayang Nur Izza Najda binti Kamiruzan Natazul Eqbal dan Dayang Qisya Nur Az Zahra binti Mohd. Hatta, pelajar-pelajar Tahun 3 dari Sekolah Rendah Jerudong meraih tempat ketiga.

Pelajar-pelajar dalam kedua-dua kategori berkenaan menerima hadiah wang tunai dan e-Sijil.

Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menggalakkan amalan kitar semula, khususnya dalam pengurusan sisa elektronik (*e-waste*).

Melalui pertandingan berkenaan, para peserta diberi peluang untuk menonjolkan kreativiti dan inovasi dalam mengubah bahan buangan elektronik menjadi hasil seni dan produk yang berguna.

Penyertaan pelajar - pelajar berkenaan bukan sahaja memberi pendedahan kepada kepentingan menjaga alam sekitar, malah turut memperkukuh hubungan dua hala dalam bidang pendidikan dan alam sekitar antara NBD dan Malaysia.

Program berkenaan diharap dapat menyemai semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan generasi muda serta menggalakkan mereka untuk terus mengamalkan gaya hidup lestari melalui inisiatif hijau seperti kitar semula dan *upcycle*.




**PARA pelajar semasa sesi bergambar ramai pada Program Kesedaran Alam Sekitar Antarabangsa Sipitang 2025 (E-WA'25) yang diadakan di Sipitang, Sabah.**

## DARI MAHKAMAH

# Akibat memiliki barang tegahan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BELAIT**, Isnin, 20 Oktober. - Mahkamah Majistret Kuala Belait di sini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND40,000 atau 14 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang perempuan warganegara tempatan atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni, memutuskan hukuman terbabit selepas Dayang Majidah Nadirah binti Haji Ismail (defendan), berusia 31 tahun, mengaku bersalah atas kesalahan kerana memiliki 316 unit *vape pod* dan lima botol *vape juice* pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap di Pos Kawalan Sungai Tujoh Kuala Belait oleh Pegawai Pemeriksa Kastam pada 31 Januari 2024, jam 12.04 tengah hari.

Semua barang yang terlibat, iaitu *vape pod* dan *vape juice* dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan.

## Selera Kampung Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

# Ketam Masak Tropika Kampung Batu Apoi

**BAHAN-BAHANNYA :**
Ketam
Bawang Besar
Bawang Merah
Bawang Putih
Halia
Serai
Daun Kari
Kicap Manis
Sedikit belacan
Garam
Gula
Serbuk Kunyit
Minyak

**CARA-CARA MEMASAK :**
Mula-mula ketam digaul dengan serbuk kunyit lalu digoreng setelah itu ketepikan terlebih dahulu. Kisar halus bawang besar, bawang merah, bawang putih, halia dan belacan.

Setelah itu, tumiskan bahan yang dikisar di dalam kuali dengan minyak. Kemudian masukkan serai dan daun kari lalu tumis sehingga naik bau. Masukkan kicap manis, gula dan garam secukupnya dan tumis sehingga pecah minyak. Akhir sekali masukkan ketam yang sudah digoreng awal.

# PENERANGAN RASMI MENGENAI "SIARAN WASIAT YANG BENAR"

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei baru2 ini telah menerima sa-puchok surat dari sa-orang Hamba Allah Brunei, untok meminta penerangan mengenai sa-buah siaran yang bernama "WASIAT YANG BENAR", yang konon-nya di-datangkan dari sa-orang Hamba Allah yang menamakan diri-nya Shaikh Ahmad dari Madinah yang telah bermimpi berjumpa Rasulullah dan menyampaikan pesanan2 yang di-wasiatkan oleh Rasulullah di-dalam mimpi-nya itu.

Selanjut-nya siaran itu meminta barang siapa yang menyalin surat itu lalu di-bahagi2kan kapada 30 orang tidak lewat dari 2 minggu, ia akan mendapat tempat di-dalam SHORGA, dan sabalek-nya barang siapa tidak berbuat demikian dia tidak mendapat rahmat daripada Allah.

*Penjelasan*: —

Sebenar-nya perkara yang tersebut di-atas telah berlaku semenjak sebelum perang dunia kedua dahulu, dan siaran "WASIAT YANG BENAR" ini dalam siaran asal-nya di-sebut: —

1. Shaikh Ahmad (yang bermimpi), konon-nya penjaga Makam Nabi di-Madinah.
2. Di-sebut pada tahun sekian2 akan berlaku kejadian2 luar biasa.
3. Di-sebut juga bahawa Hari Kiamat akan berlaku pada tahun sekian.
4. Siapa yang memanjangkan siaran itu konon-nya dapat tempat di-dalam Shorga, dan siapa yang tidak berbuat demikian akan tidak dapat Rahmat Allah.
5. Shaikh Ahmad konon-nya telah menyuroh umat Islam seluroh-nya supaya berbuat saperti berikut:
   (*a*) Berdo'a
   (*b*) Berzakat
   (*c*) Bertaubat
   (*d*) Berpuasa
   (*e*) Bersembahyang
   (*f*) Naik Haji.

*Ulasan dan Tindakan*: —

NUJUM PAK BELALANG

Kita dapati kebanyakan daripada isi asal "WASIAT YANG BENAR" itu telah tidak di-sebut lagi pada siaran-nya yang akhir2 ini, kerana telah nyata segala telek (nujum Pak Belalang-nya) itu dusta dan tidak betul.

Yang Mulia (Al-Marhum) Tuan Shaikh Abdul Rahim Al-Samannudi Al-Azhari, bekas Guru di-Madrasah Al-Junied Al-Islamiah Singapura, dan bekas Guru Besar Kuliah Al-Loghah Waddin Pekan Pahang (tatkala di-minta pendapat-nya mengenai perkara ini sawaktu beliau berada di-Malaya) telah menyiasat perkara ini dan di-dapati: —

(*a*) Bahawa tidak ada penjaga Makam Nabi di-Madinah, orang yang bernama Shaikh Ahmad.

(*b*) Kejadian2 luar biasa yang di-katakan berlaku pada tahun sakian2 itu ada-lah dusta, dan tidak ada berlaku.

(*c*) Hari Kiamat, tiada siapa pun yang mengetahui bila akan berlaku-nya melainkan Allah Ta'ala sahaja yang maha mengetahui.

(*d*) Sa-saorang itu di-kurniakan pahala dan masok Shorga kerana Iman dan 'Amal-an-nya, bukan-lah kerana hanya menyiarkan siaran2 saperti "WASIAT YANG BENAR" itu. Dan Allah Ta'ala memberi Rahmat-nya kapada sekalian hamba-nya, dusta-lah kalau ada orang yang mengatakan Allah tidak memberi rahmat-nya kerana tidak menyiarkan "WASIAT YANG BENAR" itu.

(*e*) Kita tidak menafikan bahawa Ugama Islam memang menyuroh umat-nya supaya melakukan segala yang di-perintah oleh Allah dan menjauhi segala larangan-nya, bukan menyuroh umat Islam berdo'a tanpa beramal. Dan kalau dalam fasal (*e*) ini di-anggap sabagai Rukun, maka Rukun Islam bukan-lah saperti yang di-sebutkan di-dalam "WASIAT YANG BENAR" itu, tetapi Rukun Islam ia-lah 5 perkara: —

1—Menguchap dua kalimah Shahadat
2—Mendirikan Sembahyang.
3—Menunaikan Zakat
4—Berpuasa di-bulan Ramadzan
5—Naik Haji bagi mereka yang berkuasa.

*Kesimpulan*:

*Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berpendapat bahawa risalah atau siaran "WASIAT YANG BENAR' itu, bukan-lah sa-benar-nya datang-nya dari Madinah, bahkan ia ada-lah di-ada2kan oleh sa-saronga atau oleh sasuatu gulongan yang menchari pengaroh atau sanghaja hendak memisongkan keperchayaan sa-sa-orang. Kerana itu Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berpendapat bahawa tidak perlu surat2 siaran saperti "WASIAT YANG BENAR" itu di-layani oleh orang ramai.*—Demikian bunyi Surat Keliling Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, bertarikh 7 Oktober, 1965.

# Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 Oktober hingga ka-hari Selasa 26 Oktober, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini: —*

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 20 | 12-11 | 3-29 | 6-10 | 7-25 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 21 | 12-11 | 3-29 | 6-10 | 7-25 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 22 | 12-11 | 3-29 | 6-10 | 7-25 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 23 | 12-11 | 3-29 | 6-10 | 7-25 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 24 | 12-11 | 3-29 | 6-09 | 7-24 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 25 | 12-11 | 3-29 | 6-09 | 7-24 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 26 | 12-11 | 3-29 | 6-09 | 7-24 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| | | | | | | | 6-05 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*

# Peraduan Bachaan Al-Qura'an Peringkat Daerah Brunei

KAMPONG AYER. — Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Qura'an Peringkat Kawasan dan Daerah Brunei akan di-adakan dalam bulan November akan datang.

Peraduan itu akan di-adakan di-bangunan baru Madrasah atau pun di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Demikian telah di-persetujui dalam Mashuarat Jawatan Kuasa peraduan tersebut.

Mashuarat itu telah di-adakan di-Bilek Mahkamah Shara'iah Brunei pada pagi hari Sabtu 16 Oktober, 1965 dan telah di-Pengurusikan oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.

Majlis telah di-mulai dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Pehin Siraja Khatib.

Di-antara keputusan2 yang telah di-persetujui dalam mashuarat tersebut ada-lah saperti berikut:

Peraduan Peringkat Kawasan akan di-adakan terlebeh dahulu sa-belum di-adakan Peraduan Peringkat Daerah dan di-bahagikan kapada tiga bahagian, ia-itu:

(i) Brunei I: Dari Kampong Bunut hingga ka-Berakas.
(ii) Brunei II: Dari Kampong Tamoi Ujong hingga ka-Kampong Pemancha Lama.
(iii) Brunei III: Dari Kg. Burong Pingai hingga ka-Sungai Lampai.

Peraduan Peringkat Kawasan Brunei I akan di-adakan pada pada 8 November. Peraduan Peringkat Kawasan Brunei II akan di-adakan pada 9 November dan Peraduan Peringkat Kawasan Brunei III akan diadakan pada 10 November. Semua peraduan tersebut akan di-mulai pada jam 8 pagi.

Tarikh peraduan Peringkat Daerah yang telah di-tetapkan dalam mashuarat tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Peserta2 Lelaki Dewasa pada 21 November, manakala peserta2 Perempuan Dewasa pada 22 November.

Peraduan2 itu akan di-mulai pada jam 8 pagi hingga ka-jam 12 tengah hari dan dari jam 2 petang hingga selesai.

Surat2 yang akan di-bachakan oleh peserta2 Peraduan Peringkat Kawasan ia-lah:

(*a*) Surat Annahle Ayat 1 hingga 11 atau (*b*) Surat Luquman Ayat 1 hingga 10.

Surat2 yang akan di-bachakan oleh peserta2 Peraduan Peringkat Daerah ia-lah:

(a) Surat Az-Zumara Ayat 1 hingga 9 atau(b) Surat Al-Hajji Ayat 1 hingga 11.

Pegawai2 peraduan tersebut ada-lah saperti berikut:

Penaong-Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Penasehat-Kadzi Besar Negeri Brunei.

Pengerusi-Abang Razali bin Haji Zainuddin. Naib-Pengerusi Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Setia Usaha-Awang Haji Md. Tarif bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohamed. Setia Usaha I - Awang Abdul Salam bin Abdul Razak. Setia Usaha II - Awangku Badaruddin bin Pengiran Damit.

Ketua Hakim - Awang Haji Khalidi bin Abdul Karim.

Ketua Penyambut dan Juru Hebah - Awangku Abbas bin Pengiran Haji Besar.

Ketua Kelengkapan dan Perhiasan - Awang Bakar bin Abdul Hai.

Ketua Bahagian Minuman - Awang Salim bin Dato Imam.

Ketua Penerangan - Awang Mohammed Zain Ariff.

Majlis telah bersetuju dengan sabulat suara melantek semua yang hadhir dan juga yang tidak hadhir menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa.




# PPBH2025 : Tingkatkan kesedaran pemeliharaan alam sekitar

Rencana dan Foto : Haniza Abdul Latif

TAMAN Rekreasi Menteri Besar, baru-baru ini menjadi tumpuan orang ramai berikutan acara Pertandingan dan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup 2025 (PPBH2025) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025, Peringkat Daerah Brunei dan Muara. PPBH2025 telah diadakan selama sembilan hari bermula 11 hingga 19 Oktober 2025, dengan membawa tema 'Keindahan dan Kebersihan Alam Sekitar Asas Kesejahteraan Negara'.

**Tinjauan Pelita Brunei**

Semasa tinjauan Pelita Brunei ke acara tersebut, salah seorang pengunjung, Dayang Nor Hamizah binti Nordin dari Kampung Rimba ketika ditemui mengongsikan, acara yang diadakan ini sangat menarik. Beliau, yang datang bersama suami dan empat orang anaknya berkata, anak-anak pun suka sebab dapat belajar dan mengenali jenis-jenis bunga dan tumbuhan yang mungkin tidak dipelajari di sekolah.

Tambahnya lagi, cuma pada masa akan datang bunga-bunga yang dipamerkan mungkin boleh dipelbagaikan lagi sebagai contoh tumbuhan atau bunga yang ganjil dari luar negara atau yang unik dari dalam negara *kitani* sendiri. Menyentuh mengenai acara tersebut, Dayang Nor Hamizah mendapat tahu tentang acara itu melalui kawan-kawan yang ada berkongsi cerita dan daripada rekomen di media sosial. Dari sana terus tertarik membawa anak-anak datang melihat sendiri.

"InsyaaAllah, memandangkan ini pertama kali saya hadir ke pertunjukan seperti ini, sesuatu yang baharu dan siuk untuk kanak-kanak terutamanya. Kalau ada lagi akan datang, insyaaAllah akan membawa keluarga lagi," ujarnya.

Menurutnya, apa yang menarik perhatian ialah laluan bunga berkabus yang menyerupai taman bunga berawan. Anak-anak pun *iski* berjalan dan bergambar di sana. Selain itu, susunan dan hiasan bunga di seluruh kawasan pameran juga menarik mata memandang. Secara keseluruhan, acara ini sangat sesuai untuk seisi keluarga.

Sementara itu, Dayang Hairani dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) semasa ditemui menjelaskan, acara PPBH tahun ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan malah ia mendapat sambutan di luar jangkaan daripada orang ramai. Kehadiran pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat dan berbagai bangsa dari dalam dan luar negeri menunjukkan minat yang tinggi terhadap keindahan dan kepelbagaian flora yang di pamerkan, di samping menikmati kesenian rekaan landskap yang di persembahkan.

Tambahnya, para pengunjung bukan sahaja terpesona dengan kreativiti pempamer dalam mereka bentuk landskap, malah turut mengambil peluang untuk mendapatkan ilmu tentang penjagaan tanaman hiasan dan reka bentuk landskap. Acara ini juga katanya, berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menggalakkan gaya hidup hijau.

Selain menjadi platform pendidikan dan hiburan, acara ini juga turut menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi tempatan melalui penyertaan penjual bunga dan penjual makanan dan minuman selama acara ini berlangsung. Secara keseluruhannya, sambutan yang diterima mencerminkan kejayaan penganjuran acara ini dalam mengeratkan hubungan komuniti serta memupuk rasa cinta terhadap alam semula jadi.

Menyentuh mengenai jumlah kehadiran pengunjung jelasnya, PPBH tahun ini telah menarik kehadiran pengunjung yang di luar jangkaan sepanjang tempoh penganjurannya. Dianggarkan seramai 20,000 pengunjung hadir daripada semua daerah untuk menyaksikan keindahan pameran bunga dan rekaan landskap yang dipertontonkan dan suasana malam yang bergemerlapan dengan lampu-lampu neon dan *cucul* yang berwarna-warni menyerikan lagi keindahan taman.

Suasana acara juga amat meriah dengan kehadiran pelbagai golongan masyarakat termasuk kehadiran berkeluarga, para pelajar, pencinta alam dan pelancong tempatan. Rata-rata pengunjung memberikan maklum balas yang sangat positif serta menunjukkan minat mendalam terhadap aktiviti berkaitan tanaman hiasan dan seni landskap.

**Perancangan akan datang**

Perancangan seterusnya bagi PPBH, selain dari acara tahunan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ia juga terus menjadi platform utama dalam mempromosikan kecintaan terhadap alam semula jadi dan gaya hidup hijau, beberapa perancangan telah dikenal pasti untuk pelaksanaan pada masa akan datang.

**1. Tema dan Konsep Baharu**

Penganjuran akan menampilkan tema yang lebih kreatif dan berunsurkan pendidikan alam sekitar bagi menarik minat pengunjung pelbagai lapisan masyarakat.

**2. Penyertaan dan Kolaborasi Lebih Luas**

Menggalakkan penyertaan dari pelbagai institusi-institusi seperti jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah dan pengusaha-pengusaha tanaman hiasan dan pereka landskap tempatan untuk memperkukuh kerjasama sihat dan mampan dalam memelihara dan memperkenalkan alam semula jadi.

**3. Inovasi dan Teknologi Hijau**

Penerapan teknologi moden seperti sistem tanaman pintar, penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan aplikasi digital bagi meningkatkan pengalaman pengunjung.

**4. Penglibatan Komuniti dan Pendidikan Alam Sekitar**

Mengadakan aktiviti dan pertandingan khas untuk pelajar, komuniti tempatan serta keluarga dalam usaha menanam nilai kelestarian sejak awal.

**5. Penambahbaikan Suasana dan Kemudahan Pameran**

Reka bentuk landskap yang lebih interaktif seperti terowong bunga, taman kabus buatan dan ruang istirahat hijau yang mesra pengunjung.

**6. Promosi dan Jangkauan Lebih Efektif**

Memanfaatkan platform media sosial dan digital bagi memperluas promosi serta memperkukuh penyertaan awam dan kesedaran hijau.

Melalui perancangan ini, acara PPBH dijangka terus berkembang sebagai satu inisiatif berimpak tinggi dalam memperindah persekitaran, menyemai semangat cintakan alam serta menyokong usaha menuju Brunei Darussalam yang lebih hijau dan lestari.

**Kelainan PPBH2025**

Acara PPBH tahun ini tampil dengan suasana yang lebih segar, kreatif dan penuh warna berbanding tahun-tahun sebelumnya yang diadakan di dalam dewan yang tertutup, manakala tahun ini acara di adakan di dalam Taman Rekreasi Menteri Besar, Berakas iaitu acara diadakan di tempat terbuka dan hijau. Antara kelainan yang paling ketara ialah suasana di waktu malam yang dipenuhi dan dihiasi dengan lampu-lampu neon dan *cucul* yang berwarna-warni menyerikan lagi suasana taman. Selain itu penampilan beberapa rekaan landskap yang dipamerkan oleh jabatan sendiri termasuk dari cawangan JASTRe dari seluruh daerah, dari Jabatan Perhutanan dan juga pempamer daripada pengusaha landskap tempatan.

Salah satu tarikan utama pada acara tahun ini ialah 'Flower Tunnel' iaitu laluan yang dipenuhi dengan pelbagai jenis bunga yang berwarna-warni yang tersusun indah membentuk terowong semula jadi. Selain itu, dalam 'Flower Tunnel' juga disediakan kabus buatan di mana para pengunjung dapat menikmati pengalaman berjalan di dalam kabus buatan yang mencipta suasana seolah-olah berada di taman tropika pada waktu pagi. Kabus lembut yang menyelubungi 'Flower Tunnel' memberikan kesan sejuk, nyaman dan penuh keajaiban, menambah lagi keindahan suasana di sekeliling lengkungan bunga yang mempesonakan, sambil merakam kenangan indah bersama keluarga dan rakan-rakan. Persembahan yang julung kali diketengahkan di Negara Brunei Darussalam.

**Penganjuran PPBH2025**

PPBH2025 telah dianjurkan bersama JASTRe dan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) dengan mempertandingkan sebanyak 13 kategori tanaman. Sementara itu, seramai 34 peserta telah mengambil bahagian dengan sebanyak 215 pohon bunga yang dipertandingkan. Pertandingan ini telah dibukakan kepada orang ramai dan tanaman-tanaman hiasan yang dipertandingkan telah dihakimi oleh pakar-pakar dalam bidang hortikultur, tanaman-tanaman hiasan dan seni gubahan bunga.

Para pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai dan sijil penghargaan iaitu tempat pertama BND100, tempat kedua BND80, tempat ketiga BND50 dan sagu hati BND20. Bagi Kategori Seni Gubahan Bunga, tiga pemenang turut menerima hadiah wang tunai masing-masing sebanyak BND30, BND20, dan BND10. Sijil penghargaan turut disampaikan kepada panel-panel hakim serta agensi dan pempamer yang mengambil bahagian dalam pameran rekaan landskap.

Anugerah Best of the Best turut disampaikan kepada pemenang keseluruhan iaitu Awang Haji Hamdan bin Haji Othman yang menghantar Bunga Athurium Lookeri Variegated dalam Kategori Tanaman Dalaman Daun Berbagai Warna yang telah menerima tiket penerbangan ulang alik ke Kota Kinabalu yang ditaja oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines). Selain itu, turut diadakan ialah Peraduan Seni Gubahan Bunga secara spontan yang menyaksikan kreativiti jemputan-jemputan yang berkesudian ikut serta.

Selain daripada pertunjukan dan pertandingan bunga-bunga hidup, pengusaha-pengusaha tanaman hiasan juga telah dijemput untuk mempamerkan tanaman-tanaman hiasan mereka dan seterusnya, membuat penjualan kepada pengunjung yang datang.

Para pengunjung juga berpeluang untuk membeli dan menikmati beraneka hidangan makanan dan minuman daripada 18 buah *food vendors* sambil berkunjung menyaksikan pameran bunga-bunga hidup dan menikmati keindahan taman.

**Penutup**

PPBH2025 bukan sekadar sebuah wadah kreativiti, bahkan menjadi platform penting untuk memupuk serta meningkatkan kesedaran dan penghargaan masyarakat terhadap manfaat penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar yang baik.

Impak daripada acara PPBH2025 ini bukan hanya mengadakan pertandingan dan pertunjukan bunga-bunga hidup sahaja malah akan turut menjana peluang sosioekonomi peniaga-peniaga lanskap dan hortikultur, makanan dan peniaga-peniaga kecil di negara ini.

Selain itu, ia juga bertepatan dengan salah satu strategi Wawasan Brunei 2035 iaitu memastikan kelestarian alam sekitar negara bagi mencapai kualiti hidup rakyat yang tinggi. Keindahan alam semula jadi dan kebersihan persekitaran bukan sahaja mencerminkan identiti bangsa yang berdisiplin dan bertanggungjawab tetapi menjadi asas utama bagi kesejahteraan dan keharmonian rakyat serta pembangunan negara yang mampan.

# PROGRAM SUA MUKA ERATKAN HUBUNGAN RAKYAT DENGAN KERAJAAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Selasa, 21 Oktober. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah Tutong pagi tadi mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Lamunin, bertempat di Pusat Kemasyarakatan Dataran Gong Tiga, Kampung Lamunin, Mukim Lamunin, di sini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar, manakala dari Kampung Lamunin diketuai oleh Ketua Kampung Lamunin, Awang Saini bin Haji Othman.

Turut hadir menyampaikan maklumat kepada para penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan; Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Unified Smart Metering Services Sdn. Bhd. (USMS), Authority for Info-Communication Technology Industry (AITI) dan Jabatan Penerangan.



Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana, penyelenggaraan, pencemaran alam sekitar dan kemudahan awam serta hal-hal lain.



SUASANA Program Sua Muka bagi Kampung Lamunin, bertempat di Pusat Kemasyarakatan Dataran Gong Tiga, Kampung Lamunin (atas, bawah dan bawah kiri).





# MINDA PEMBACA

## Teknologi dan masa depan pendidikan anak bangsa

DALAM era digital yang semakin berkembang, teknologi memainkan peranan yang amat besar dalam membentuk masa depan pendidikan anak bangsa. Teknologi bukan hanya menjadi alat bantu pengajaran tetapi juga membuka ruang baharu dalam cara kita belajar dan mengajar. Dengan kemajuan dalam bidang sains komputer, Kecerdasan Buatan dan realiti maya, pendidikan kini tidak lagi terhad kepada kaedah pengajaran tradisional. Pelajar boleh mengakses pelbagai sumber pembelajaran secara dalam talian, melibatkan diri dalam kelas maya dan berinteraksi dengan guru atau rakan sebaya tanpa sekatan masa dan tempat.

Di samping itu, teknologi juga membolehkan pembelajaran yang lebih peribadi. Sistem pembelajaran pintar dapat menyesuaikan kandungan mengikut keperluan dan tahap pemahaman setiap pelajar. Ini memberi peluang kepada setiap individu untuk belajar mengikut rentak mereka sendiri, tanpa rasa tekanan atau kebosanan. Selain itu, penggunaan aplikasi dan platform dalam talian seperti pembelajaran dalam talian, *tutorial* video dan sesi interaksi dalam talian membuka pintu kepada cara-cara baharu untuk menguasai pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan.

Namun, dengan segala potensi yang ditawarkan, cabaran tetap wujud. Ketidakseimbangan dalam akses kepada teknologi antara kawasan bandar dan luar bandar, serta perbezaan dalam penyediaan infrastruktur pendidikan boleh memperbesarkan jurang pendidikan. Oleh itu, penting untuk memastikan semua pelajar, tanpa mengira latar belakang, dapat menikmati faedah teknologi secara adil dan saksama.

Masa depan pendidikan anak bangsa bergantung kepada bagaimana kita mengintegrasikan teknologi dengan bijak. Teknologi bukan hanya alat tetapi satu medium yang memberi peluang untuk mencipta generasi masa depan yang lebih berdaya saing, kreatif dan peka terhadap perubahan dunia. Sekiranya dilaksanakan dengan betul, teknologi berpotensi untuk menjadi pemangkin kepada pendidikan yang lebih inklusif dan berkesan untuk semua.

**Nama : Nor Sakinah binti Zakaria**
**No. K/P : 01-047XXX**


**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'.** Tarikh Tutup **: 22 Oktober 2025**
2. **'Kesan Buli Terhadap Kesihatan Mental'.** Tarikh Tutup **: 29 Oktober 2025**
3. **'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'.** Tarikh Tutup **: 5 November 2025**

**Terma dan Syarat :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

BERITA GLOBAL

# KERETA API LAJU TERPANTAS CAPAI 453KM/J DALAM UJIAN PRA-PERKHIDMATAN



FOTO ini menunjukkan prototaip kereta api peluru CR450 sedang menjalani ujian di Beijing, ibu negara China, 25 Februari 2025.

**BEIJING**, 21 Okt. - Kereta api peluru terpantas di dunia, CR450, telah memulakan siri ujian pra-perkhidmatan di atas landasan laju di China, mencatat kelajuan tinggi sehingga 453 kilometer sejam.

Siri CR450, yang direka untuk kelajuan ujian maksimum 450km/j dan kelajuan operasi komersial 400km/j, kini sedang menjalani ujian kelayakan di landasan laju yang menghubungkan bandar timur Shanghai dengan bandar pedalaman barat Chengdu, lapor Science and Technology Daily pada Isnin.

Kereta api berkelajuan tinggi ini mampu memecut dari keadaan pegun ke 350km/j dalam hanya 4 minit 40 saat, dan dua tren telah mencatat rekod apabila berselisih pada kelajuan gabungan 896km/j.

Berbanding pendahulunya CR400, model CR450 ini menampilkan hidung yang lebih panjang dan tirus, garisan bumbung 20 sentimeter lebih rendah serta pengurangan berat sebanyak 50 tan sekali gus mengurangkan rintangan aerodinamik sebanyak 22 peratus.

Kereta api laju CR400 Fuxing yang kini beroperasi dalam perkhidmatan membawa penumpang pada kelajuan 350km/j. CR450 pula perlu mencatat 600,000 kilometer perjalanan tanpa gangguan sebelum diberi kelulusan untuk membawa penumpang. - ©XINHUA

## EU, negara-negara Laut Hitam dan Asia Tengah sepakat perkukuh kerjasama keselamatan, keterhubungan

**BRUSSELS**, 21 Okt. - Kesatuan Eropah (EU) bersama negara-negara di rantau Laut Hitam dan Asia Tengah pada Isnin bersetuju memperkukuh kerjasama rentas wilayah dalam bidang keselamatan dan keterhubungan semasa mesyuarat peringkat menteri di Luxembourg, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Mesyuarat itu dipengerusikan bersama oleh Ketua Dasar Luar EU Kaja Kallas, Pesuruhjaya Eropah bagi Pembesaran Marta Kos dan Pesuruhjaya Eropah bagi Perkongsian Antarabangsa Jozef Sikela, menghimpunkan wakil daripada negara anggota EU serta Armenia, Azerbaijan, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Moldova, Tajikistan, Turkiye, Turkmenistan, Ukraine dan Uzbekistan.

Dalam kenyataan bersama, para pengerusi menegaskan komitmen bersama para peserta untuk memperkukuh kestabilan, daya tahan dan kerjasama antara kedua-dua rantau di tengah-tengah cabaran geopolitik yang semakin meningkat.

"Laut Hitam merupakan kawasan berkepentingan geostrategik utama, menghubungkan Eropah dengan Asia serta memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa, transit strategik bijirin, tenaga dan bahan mentah kritikal, selain menjadi komponen utama keselamatan global," menurut kenyataan itu.

Para peserta turut membincangkan usaha memperdalam kerjasama dalam keselamatan maritim, termasuk cadangan menubuhkan Hab Keselamatan Maritim Laut Hitam dan inisiatif untuk memperkukuh kerjasama pengawal pantai, menyokong usaha pembersihan periuk api serta melindungi infrastruktur kritikal.

Menurut EU, langkah-langkah terbabit akan menyumbang kepada keselamatan Ukraine serta meningkatkan keupayaan rantau berkenaan menghadapi ancaman hibrid.

"Inisiatif ini bertujuan menyelaras pelaburan strategik bagi menggalakkan perdagangan dan pembangunan sosioekonomi melalui rangkaian pengangkutan, tenaga dan digital yang berdaya tahan serta cekap, menghubungkan Asia Tengah dengan Kaukasus Selatan dan seterusnya ke Kesatuan Eropah," menurut kenyataan itu.

Pegawai - pegawai juga menegaskan kepentingan memudahkan perdagangan serantau, termasuk pendigitalan prosedur kastam bagi melancarkan perdagangan rentas sempadan dan menarik pelaburan swasta.

Brussels turut mengumumkan rancangan untuk membangunkan kerangka penyelarasan bagi pelaksanaan Agenda Kesalinghubungan yang akan dibincangkan lebih lanjut pada "Trans-Caspian Transport Corridor Investors and Connectivity Forum" di Tashkent pada 27 Nov.

EU mengulangi kesediaannya untuk menyokong negara yang mengambil bahagian dan rakan antarabangsa dalam memajukan matlamat itu melalui perancangan pelaburan bersama dan penyelarasan dasar. - ©BERNAMA

## Arab Saudi umum syarat kesihatan jemaah haji 2026, Pusat Rawatan TH tidak lagi dibuka di Tanah Suci

**KUALA LUMPUR**, 20 Okt. - Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mengumumkan syarat kesihatan baharu bagi bakal jemaah haji musim 1447H/2026M, selain tidak lagi membenarkan Lembaga Tabung Haji (TH) membuka Pusat Rawatan di Tanah Suci.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Seri Mustakim Mohamad dalam kenyataan hari ini memaklumkan syarat kesihatan baharu itu akan dikuatkuasakan oleh TH dan perlu dipatuhi semua jemaah dari Malaysia bagi memperoleh visa haji.

Beliau berkata antara syarat yang ditetapkan ialah bakal jemaah perlu bebas daripada penyakit berjangkit, penyakit serius atau penyakit kronik yang tidak terkawal, serta berupaya melaksanakan ibadat haji secara kendiri.

"Jemaah tidak dianggap layak mengerjakan haji sekiranya menghidap penyakit atau keadaan seperti kegagalan buah pinggang kronik, kegagalan jantung atau penyakit jantung serius, penyakit paru-paru kronik dan penyakit hati kronik.

"Selain itu, turut tidak layak ialah mereka yang mengalami masalah neurologi atau mental yang menjejaskan fungsi kognitif atau motor, warga emas yang menghidap dementia atau lemah fizikal, kehamilan berisiko tinggi, penyakit berjangkit aktif serta pesakit kanser yang sedang menjalani rawatan," katanya.

Sehubungan itu, Mustakim menasihatkan bakal jemaah haji supaya membuat persediaan kesihatan fizikal secukupnya memandangkan mereka akan berada di Arab Saudi dalam tempoh yang panjang serta berdepan suasana berdebu dan cuaca panas.

Beliau berkata tahap kesihatan yang baik merupakan antara syarat kemampuan mengerjakan haji (istito'ah) yang sentiasa ditekankan dalam resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan, selaras dengan keperluan lulus pemeriksaan kesihatan kendalian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menerima tawaran haji.

Selain itu, katanya, bagi musim haji 1447H/2026M, TH tidak lagi dibenarkan membuka Pusat Rawatan di Tanah Suci. Bagi jemaah yang memerlukan rawatan lanjut, mereka akan dirujuk ke hospital-hospital yang disediakan Kerajaan Arab Saudi dengan pemantauan rapi oleh pakar-pakar perubatan KKM.

"Bagaimanapun, TH masih menyediakan klinik kesihatan di semua bangunan penginapan jemaah haji di Makkah dan Madinah.

"Setiap bangunan dilengkapi klinik pesakit luar dan farmasi yang dikendalikan petugas kesihatan bertauliah daripada KKM bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada jemaah Malaysia, termasuk pengiring bagi warga emas dan orang kelainan upaya," katanya.

Beliau berkata TH turut merancang menyediakan kemudahan kesihatan di hospital swasta Arab Saudi sekiranya perlu, dan bagi tujuan itu, TH dengan kerjasama KKM akan menempatkan 225 petugas kesihatan pada musim haji tahun depan.

TH, katanya, sentiasa mengutamakan keselamatan, kebajikan dan keselesaan jemaah haji Malaysia sebagai teras pengurusan operasi haji setiap tahun, justeru sebahagian besar kuota petugas di Tanah Suci diperuntukkan kepada petugas perubatan. - ©BERNAMA

## Namibia sahkan kes pertama mpox

**LUSAKA (Zambia)**, 20 Okt. - Namibia pada Ahad mengisytiharkan wabak mpox selepas merekodkan kes pertama penyakit itu di bandar pesisir Swakopmund, yang terletak di barat ibu negara Windhoek, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Pesakit sedang menerima rawatan komprehensif dan diasingkan di Hospital Daerah Swakopmund dalam keadaan stabil," kata Menteri Kesihatan dan Perkhidmatan Sosial Esperance Luvindao dalam satu kenyataan.

Mpox, sejenis penyakit zoonotik telah dilaporkan di banyak negara di seluruh dunia sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan sekitar 17 negara di benua Afrika kini berdepan wabak aktif.

Antara negara terjejas dalam Komuniti Pembangunan Afrika Selatan (SADC) ialah Zambia, Malawi, Tanzania dan Republik Demokratik Congo.

Luvindao berkata siasatan awal mengaitkan kes semasa dengan sejarah perjalanan rentas sempadan dalam kalangan negara SADC, sambil menambah bahawa pihak berkuasa telah mengaktifkan tindak balas kecemasan kesihatan awam dan menggerakkan sumber bagi menangani wabak itu. - ©BERNAMA

## Pesawat kargo tergelincir ke laut selepas mendarat di Hong Kong

**HONG KONG**, 20 Okt. - Sebuah pesawat kargo tergelincir ke dalam laut selepas mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong pada Isnin, lapor Xinhua memetik kenyataan media yang dikeluarkan oleh kerajaan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (HKSAR).

Kejadian berlaku kira-kira 3.50 pagi waktu tempatan apabila pesawat kargo B744 (nombor penerbangan UAE9788) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Al Maktoum, Emiriah Arab Bersatu, terbabas dari landasan utara selepas mendarat.

Maklumat awal menunjukkan bahawa empat kru di dalam pesawat telah diselamatkan dan dihantar ke hospital, manakala dua kakitangan darat turut terjejas dan terjatuh ke dalam laut.

Menurut maklumat daripada polis Hong Kong dan media tempatan, kesemua empat kru pesawat kargo tersebut tidak mengalami kecederaan. Namun, sebuah kenderaan perkhidmatan darat di landasan dipercayai telah berlanggar dengan pesawat itu dan dua individu yang berada di dalam kenderaan berkenaan dilaporkan hilang. - ©BERNAMA

## 7 maut di Republik Filipina akibat ribut tropika Ramil

**MANILA**, 20 Okt. - Seramai tujuh orang dilaporkan maut manakala dua lagi hilang akibat Ribut Tropika Ramil, lapor Agensi Berita Filipina (PNA) memetik Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) pada Isnin.

Dalam laporan situasi terkininya, NDRRMC turut memaklumkan seorang cedera akibat siklon itu.

Lima mangsa yang terkorban berasal dari Calabarzon (Tagalog Selatan) manakala dua lagi dari Wilayah 6 (Visayas Barat). Sementara itu, dua individu yang dilaporkan hilang berasal dari Visayas Barat manakala mangsa yang cedera dari Calabarzon.

Laporan NDRRMC menyatakan semua angka itu masih tertakluk kepada proses pengesahan.

Ramil, yang melanda sebahagian Luzon dan Visayas pada hujung minggu lepas turut menjejaskan 37,852 keluarga atau 133,196 orang di Wilayah 2 (Lembah Cagayan), 3 (Luzon Tengah), Wilayah 6 dan Wilayah 8 (Visayas Timur).

Setakat tengah hari Isnin, 2,260 keluarga menerima bantuan di 166 pusat pemindahan manakala 1,720 lagi menerima bantuan di lokasi lain, menurut NDRRMC.

Sebanyak 68 rumah dilaporkan rosak, kesemuanya di Wilayah 6, dengan 57 diklasifikasikan sebagai 'rosak sebahagian' dan 11 lagi 'rosak sepenuhnya'. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

# KONTINJEN NBD KE SUKAN BELIA ASIA KE-3 BERLEPAS KE BAHRAIN



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan semasa hadir bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan kata-kata semangat kepada para ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Sukan Belia Ke-3,2025 di Manama, Bahrain (kiri dan kanan).

**Berita dan Foto :**
**Siti Rokiah Abdullah**

**BERAKAS**, Isnin, 20 Oktober. - Seramai 11 orang kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada lima orang atlet dan enam orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Safeguarding / Pegawai Urus Setia, Pengurus dan Jurutlatih telah berlepas ke Manama, Bahrain bagi menyertai Sukan Belia Asia Ke-3, 2025.

Kejohanan tersebut dijangka berlangsung bermula 22 hingga 31 Oktober, 2025.

Sehubungan itu, upacara selamat belayar bagi kontinjen negara telah berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) pagi tadi.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan kata-kata semangat ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Penganalisa di Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim, dan kemudian diikuti ucapan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS kepada kontinjen negara seterusnya bergambar ramai.

Kontinjen negara diketuai oleh Chef de Mission, Dayang Noorfairuzah binti Haji Mohammad@Haji Zaini.

Pada kejohanan ini, negara akan menyertai dua acara sukan iaitu akuatik (renang) dan golf.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan KKBS; Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan serta para ibu bapa dan penjaga.

# 8 pasukan layak ke suku akhir Kejohanan Futsal HPA



AKSI para pemain pada suku akhir Kejohanan Futsal Hari Perkhidmatan Awam Ke-32, Tahun 2025 (kiri dan kiri sekali).

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Urus Setia Kejohanan Futsal Hari Perkhidmatan Awam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Oktober. - Lapan pasukan Kategori Terbuka telah mengesahkan mara ke suku akhir Kejohanan Futsal Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025.

Selepas empat pasukan daripada Kumpulan 'A' telah mengesahkan kemaraan, giliran Kumpulan 'B' bersaing dalam perlawanan liga bagi melengkapkan empat pasukan terbaik untuk melangkah ke suku akhir pada perlawanan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berada di tangga teratas dalam Kumpulan 'A' selepas mengutip 10 mata hasil daripada tiga kemenangan dan sekali seri, sementara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pula berada di tangga kedua.

Manakala, Kementerian Kesihatan (MOH) dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) turut mengesahkan kemaraan mewakili Kumpulan 'A' Terbuka.

Sementara itu, empat buah pasukan daripada Kumpulan 'B' lebih awal lega melangkah ke suku akhir yang dikepalai oleh pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Pembangunan dan Kementerian Pendidikan.

Kejohanan Futsal HPA Ke-32 juga menyaksikan perlawanan bagi Kategori Veteran yang akan meneruskan persaingan dalam Kumpulan 'B' pada Selasa nanti.